

Salam Aidiladha



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 29 JUN - 5 JULAI 2023

www.selangorkini.my

Lima tahun negeri makmur, gemilang



7TH SELANGOR
INTERNATIONAL
BUSINESS
SUMMIT
2023

**PERSIDANGAN
PERNIAGAAN
ANTARABANGSA
SELANGOR 2023**

19-22 OKTOBER 2023
Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)



**DAFTAR
SEKARANG!**

www.selangorsummit.com
f i t s selangorsummit

**MUKA
2**



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari membelek buku laporan prestasi lima tahun pentadbiran negeri disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim dalam majlis perhimpunan penjawat awam dan pemimpin masyarakat di Shah Alam pada 23 Jun 2023. Foto RADIN WAZIR ► BERITA MUKA 5

Dihoskan oleh



Dianjurkan oleh
**INVEST
SELANGOR**

Dianjurkan bersama oleh
MBI

Diiktiraf oleh
MATRADE



9TH SELANGOR
INTERNATIONAL
EXPO
MEDIC
SIE MEDIC 2023

Teroka Inovasi Perubatan Terkini

19-22 Oktober 2023

Ballroom 1 & 2, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)

DAFTAR SEKARANG!



www.selangorsummit.com
f i t s selangorsummit

Dihoskan oleh



Dianjurkan oleh
**INVEST
SELANGOR**

Dianjurkan bersama oleh



Diiktiraf oleh



Bersempena dengan



Pastikan tatakelola kerajaan lancar

SHAH ALAM - Pentadbiran sedia ada berfungsi sebagai kerajaan sementara bagi memastikan tatakelola, ketelusan dan kebertanggungjawaban terpelihara meski Dewan Negeri Selangor dibubar.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan kerajaan sementara penting bagi memastikan program dan dasar negeri terutama sistem perkhidmatan berjalan lancar.

Katanya, EXCO berfungsi sebagai pengerusi jawatankuasa tetap portfolio masing-masing supaya keputusan sebelum pembubaran berlangsung baik tanpa perubahan ataupun keputusan baharu.

"Ini bagi memastikan program dan dasar Kerajaan Negeri terutamanya sistem perkhidmatan kerajaan tetap berjalan dengan berkesan," katanya dalam kenyataan pada 24 Jun.

Amirudin juga mengarahkan EXCO menyerahkan semula kereta rasmi sebelum hari penamaan calon selain melarang kenderaan itu digunakan dalam program politik termasuk kempen pilihan raya.

JER diteruskan hingga Disember

AMPANG JAYA - Program Jualan Ehsan Rahmah (JER) yang dijadual berakhir September ini diteruskan hingga Disember untuk memanfaatkan lebih ramai penduduk Selangor.

Ketua pegawai eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) memaklumkan dua lagi keperluan asas bakal ditambah meliputi minyak paket dan gula sekilogram, yang dijual RM2 setiap bungkusan.

"Perkara itu (meneruskan JER) merupakan mandat Kerajaan Negeri dan harapan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang cakna dengan keperluan rakyat.

"Kita juga sedang melihat kesesuaian menambah minyak paket dan gula dalam senarai barangan asas sebelum melaksanakannya," kata Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi pada 21 Jun.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Hormati peranan penjawat awam

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mempertahankan penjawat awam yang 'diserang' golongan tidak bertanggungjawab dalam isu sekolah agama persendirian.

Meminta mereka bersabar ketika berdepan cabaran sedemikian, beliau juga meminta semua pihak supaya menghormati peranan kakitangan kerajaan dalam memenuhi tuntutan tugas.

"Sejak mutakhir ini, saya bersimpati terhadap kakitangan awam yang diserang oleh mereka yang pentingkan diri. Mereka ini sengaja mahu timbulkan kemarahan.

"Bila kita ikut undang-undang, mereka kata kita mahu tutup sekolah agama," katanya dalam perhimpunan bu-

lanan bersama penjawat awam di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 23 Jun.

Beliau dipercayai merujuk isu garis panduan untuk sekolah agama persendirian yang ditambah baik bagi meningkatkan tahap keselamatan murid ekoran tragedi kebakaran pada akhir 2018.

Panduan tersebut dibuat pada 2019 berasaskan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ekoran kejadian yang meragut nyawa 23 murid.

Amirudin juga mengingatkan Islam menganjur umatnya supaya menjaga kepentingan nyawa, salah satu daripada lima prinsip Maqasid Syariah se-

lain menjaga agama, akal, harta dan keturunan.

"Jaga Islam itu betul, yang kedua adalah menjaga nyawa. Kalau tidak jaga betul-betul, siapa yang mahu bertanggungjawab?" katanya.

Sebelum ini, pihak tertentu melempar tohmahan kononnya banyak sekolah agama persendirian di negeri ini terancam berikutan adanya program pemutihan yang menggunakan garis panduan baharu.

Mereka mendakwa pengusaha sekolah sedemikian sukar mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan untuk beroperasi.

Catat KDNK, rizab tertinggi dalam sejarah

Ekonomi rancak dalam lima tahun

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Kemakmuran ekonomi dinikmati rakyat sepanjang lima tahun pentadbiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari meski berdepan bencana dan ketidakstabilan politik negara.

Beliau menjelaskan Selangor mencatat pertumbuhan lima peratus pada 2021, mengatasi kadar nasional pada 3.1 peratus meski berdepan pandemik dan pertukaran kerajaan persekutuan.

Katanya, sumbangan negeri kepada Keluaran Dalam Negara Kasar pula

meningkat kepada 24.8 peratus pada 2021, tertinggi dalam sejarah manakala rizab kewangan RM3.4 bilion pada 2022, terbesar dalam 10 tahun.

"Ini bukti pentadbiran ini mengamalkan dasar kewangan berhemah, ekonomi berwawasan dan mesra rakyat serta pelabur," katanya pada tayangan video dalam perhimpunan bersama penjawat awam di sini pada 23 Jun.

Amirudin berkata lima pakej rangsangan disediakan untuk menyerap kesan pandemik selain bantuan pascabanjir manakala 46 skim kebajikan diteruskan menerusi Iltizam Selangor Penyayang.

Beliau menambah Rancangan Selangor Pertama pula dirangka bagi membangunkan negeri, manakala usahawan dibantu termasuk pemberian moratorium pinjaman ketika berdepan pandemik.

Setiap daerah dikelaskan mengikut potensi menerusi Dasar Klusterisasi Gugusan Ekonomi Selangor antaranya Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) dan Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS).

"Pentadbiran negeri ada perancangan rapi demi manfaat seluruh rakyat. Tiada yang dilupakan dan disisih. Semua dibantu dalam pelbagai cara," katanya.

Sedia pertahan tonggak ekonomi

SHAH ALAM - Rata-rata kakitangan awam gembira berikutan peranan mereka membantu pertumbuhan ekonomi negeri mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Penolong Pegawai Tadbir Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Noraini Roslan mendapati sistem pentadbiran negeri sedia ada diurus dengan baik.

"Selangor semakin ke depan khususnya aspek ekonomi kerana pemimpinnya cekap. Begitu juga inisiatif yang dibuat membantu rakyat.

"Sistem dan pentadbiran negeri bawah kerajaan sekarang diurus sangat baik. Jadi, ia wajar dikekalkan supaya Selangor terus berkembang.

"Sebagai penjawat awam, kamilah yang berperanan menguar-uarkan (inisiatif) kepada rakyat," katanya yang 17 tahun berkhidmat di pihak berkuasa

tempatan (PBT) itu.

Kakitangan Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) turut mengagap Anwar mengiktiraf peranan penjawat awam sebagai tonggak pembangunan negeri.

"Saya sokong apa yang disuarakan perdana menteri. Apatah lagi Selangor menjadi negeri penyumbang utama hasil negeri," kata Azizah Idris.

Pegawai Tadbir Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Ekamatul Manorah Iktiman pula menyifatkan tugas PBT lebih mudah jika kerajaan sama pada peringkat persekutuan memimpin negeri ini.

"Kerja jadi lebih senang serta tiada percanggahan. PBT mudah terima arahan daripada pihak atasan. Rugi jika pentadbiran berubah kerana ada pelbagai inisiatif untuk rakyat," katanya.

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) pula berkata Selangor banyak menyediakan pelbagai inisiatif untuk rakyat sepanjang lima tahun terakhir pentadbiran.

"Walaupun banyak perubahan pada peringkat kerajaan pusat tetapi Kerajaan Negeri tetap utuh kerana rakyat yakin terhadap pemimpin," kata Mohd Fitri Haziq Zainal Abidin.

Pada 12 Jun lalu, Anwar menyeru kakitangan awam Selangor mempertahan negeri ini sebagai kubu Kerajaan Perpaduan berikutan negeri ini menjadi induk ekonomi negara.

Pemimpin nombor satu negara itu turut mengajak kakitangan awam supaya mengembalikan maruah dan imej Malaysia sebagai negara hebat di rantau ini.



Selamat Hari Raya Aidiladha

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
سَلَامٌ عَلَيْكُمْ رَايَ عَسَدٍ صَحِيحٍ

YAB Dato' Seri Amirudin Shari
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
AHLI PARLIMEN GOMBAK



#KitaSelangor



Lima sekolah sedia tuala wanita

SHAH ALAM - Seramai 1,000 pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan lima sekolah di negeri ini akan mendapat manfaat program kempen kesedaran dan penyediaan tuala wanita percuma.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata projek rintis melalui dana RM100,000 itu bertujuan menangani kemiskinan haid dalam kalangan pelajar.

"Kalau berjalan dengan baik, tahun depan kita akan memperluas kepada RM200,000 sebab pelaksanaannya dalam bentuk mesin layan diri (vending machine).

"Kemungkinan benda ini (mesin layan diri) disalah guna atau dirosakkan dan kita ingin lihat keberhasilannya. Jadi pelajar akan dikenal pasti atau dicadang sekolah," katanya pada 18 Jun.

Projek itu melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Tua (Gombak), SMK Putra Perdana (Sepang), SMK Kuala Selangor dan dua sekolah di Klang iaitu SMK (Perempuan) Bukit Kuda serta SMK Kapar.

Sedia beri laluan muka baharu

SHAH ALAM - Wakil rakyat Batu Tiga Rodziah Ismail sedia memberi laluan kepada muka baharu untuk menggantikannya dalam pilihan raya negeri tidak lama lagi.

Ketua wanita Parti Keadilan Rakyat Selangor berkata ruang itu memudahkannya memberi tumpuan sebagai ahli parlimen Ampang selain menyediakan pelapis dalam pentadbiran.

"Keputusan mesyuarat cabang baru-baru ini memang mahu mengekalkan dua Ahli Dewan Negeri (ADN) di Shah Alam iaitu kerusi Dewan Undangan Negeri Batu Tiga dan Kota Anggerik.

"Namun, saya berserah kepada pimpinan parti. Ditambah pula kedudukan saya sekarang sebagai ahli parlimen Ampang, sudah pasti tugas akan lagi bertambah," katanya pada 19 Jun.

RALAT

Kandungan berita utama di halaman 4 edisi 22-28 Jun 2023 sepatutnya dibaca seperti di bawah:

Rancangan Strategik Pendidikan Negeri Selangor

Kesilapan amatlah dikesali - **Editor**

Pelaburan tertinggi dalam 30 tahun

SHAH ALAM - Pencapaian terbaik nilai pelaburan di Selangor dalam tempoh 30 tahun dicatat ketika pentadbiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 2018.

Beliau menjelaskan pelaburan bernilai RM18 bilion terhasil selepas beliau mengambil alih pentadbiran daripada Pengerusi Perikatan Nasional Selangor Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

"Lepas kamu (Azmin) tidak jadi Menteri Besar Selangor, pencapaian pelaburan terbaik kita RM18 bilion.

"Masa dia jadi Dato' Menteri Besar pernah antara RM5 bilion hingga RM7 bilion sahaja," katanya dalam program pelancaran jentera pilihan raya Pakatan Harapan Selangor di sini pada 24 Jun.

Lebih 2,000 penyokong hadir dalam acara itu yang turut mengetengahkan slogan #arusmerahkuning sepanjang kempen pilihan raya negeri kelak.

Amirudin juga menangkis tohmahan Azmin dalam satu ceramah politik kononnya ekonomi Selangor mundur berbanding zaman bekas Dato' Menteri

Besar tersebut iaitu antara 24 hingga 25 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar.

"Zaman dia (Azmin) tidak sampai 24 peratus pun. Tahun 2016, 2017 hanya 22.7 peratus. Tahun 2018, 23.7 peratus. Bila sampai 24 peratus? Penggal ini zaman saya iaitu 24.1 atau 24.3 peratus. Tahun lalu, 24.8 peratus," katanya.

Justeru, beliau mengajak rakyat untuk memulihkan kerosakan akibat pentadbiran Perikatan Nasional dan Langkah Sheraton yang menjejaskan kestabilan politik tanah air.

MBI salur dana baik pulih sekolah

RM25.5 juta kukuh sektor pendidikan

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyalurkan bantuan RM25.5 juta sejak 2021 bagi memperkasa sektor pendidikan negeri.

Dato' Menteri Besar berkata peruntukan bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) meliputi projek baik pulih kemudahan sekolah dan program Persewaan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan dana tersebut juga bagi men-

jayakan program Jelajah Kita Kembali ke Sekolah, Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) selain menangani kemiskinan haid.

"Semua bantuan ini disalurkan melalui kerjasama pelbagai pihak termasuk Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, sekolah, Ahli Dewan Negeri serta agensi berkepentingan," katanya.

Terdahulu, Amirudin menyerahkan cek cura RM10,000 kepada tiga sekolah untuk naik taraf kemudahan dalam majlis pelancaran Tekad Pendidikan Kita Selangor di sini pada 18 Jun.

Beliau berkata pentadbiran negeri sentiasa cakna aspek pendidikan anak-anak, daripada darjah satu hingga tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menjelaskan pendidikan prasekolah turut diberi tumpuan, Amirudin berkata anak-anak perlu diberi peluang sama rata untuk belajar bagi mengelak kes keciciran.

"Anak-anak yang keciciran dan kurang mampu dibantu daripada pelbagai sudut seperti kewangan, kelengkapan sekolah serta kelas tambahan," katanya.

Pusat baiki pesawat siap tahun ini

SHAH ALAM - Pembinaan pusat penyenggara, pembaikan dan kendalian (MRO) pesawat perniagaan milik syarikat Dassault Aviation seluas 144,000 kaki persegi dijadual siap akhir tahun ini.

EXCO Pelaburan Dato' Teng Chang Khim menjelaskan pembangunan yang dibuat syarikat gergasi aeroangkasa Perancis itu dijangka beroperasi pada penggal pertama tahun depan.

"Ini perkembangan memberangsangkan untuk industri aeroangkasa Selangor dan Malaysia kerana Dassault adalah pembuat pesawat kedua terbesar di dunia.

"Pusat MRO itu memperkukuh kedudukan Selangor sebagai hab teknologi serantau. Semua pesawat jenis Dassault akan ke Lapangan Terbang Subang untuk diselenggara," katanya pada 18 Jun.

Sebelum ini, beliau berkata kemudahan baharu bernilai RM100 juta itu dijangka mampu memuatkan sembilan unit pesawat jenis Falcon 8X dan tujuh unit Falcon 10X apabila siap.

Sementara itu, Chang Khim berkata beliau bersama Invest Selangor Ber-



had melawat kilang Dassault Aviation di Bordeaux, Perancis bagi memahami operasi syarikat selain pemasangan dan pengurusan pesawat.

"Kita dapat lihat pengurusan operasi di kilang Dassault dan di situ juga menjadi tempat pemasangan pesawat persendirian atau jet perniagaan jenis Falcon 8X dan Falcon 2000. Pemahaman ini penting apatah lagi Dassault sedang dalam proses membina MRO Asia Pasifik di Subang," katanya.

WAKTU SOLAT	29 JUN - 5 JULAI 2023 10 - 16 ZULHIJAH 1444	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
29 Khamis	5:44	5:54	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44	5:45	5:55	7:08	1:20	4:46	7:28	8:44	5:45	5:55	7:08	1:22	4:47	7:31	8:46	
30 Jumaat	5:44	5:54	7:07	1:20	4:45	7:29	8:44	5:45	5:55	7:08	1:20	4:46	7:29	8:44	5:45	5:55	7:08	1:22	4:48	7:31	8:47	
01 Sabtu	5:44	5:54	7:07	1:20	4:45	7:29	8:44	5:45	5:55	7:08	1:20	4:46	7:29	8:44	5:45	5:55	7:08	1:22	4:48	7:31	8:47	
02 Ahad	5:45	5:55	7:07	1:20	4:46	7:29	8:44	5:45	5:55	7:08	1:21	4:46	7:29	8:44	5:46	5:56	7:08	1:22	4:48	7:31	8:47	
03 Isnin	5:45	5:55	7:07	1:20	4:46	7:29	8:45	5:46	5:56	7:09	1:21	4:46	7:29	8:45	5:46	5:56	7:09	1:23	4:48	7:32	8:47	
04 Selasa	5:45	5:55	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45	5:46	5:56	7:09	1:21	4:46	7:29	8:45	5:46	5:56	7:09	1:23	4:48	7:32	8:47	
05 Rabu	5:45	5:55	7:08	1:21	4:46	7:29	8:45	5:46	5:56	7:09	1:21	4:46	7:29	8:45	5:46	5:56	7:09	1:23	4:48	7:32	8:47	



TENANG... DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj (dua, kanan) berkenan menyertai rombongan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (tiga, kanan) menziarahi makam Nabi Muhammad SAW di Madinah al-Munawarah, Arab Saudi. Foto Facebook Selangor Royal Office

Terbit kad laporan prestasi lima tahun

SHAH ALAM - Kad Laporan Kerajaan Selangor 2018-2023 akan diterbitkan bagi memudahkan orang ramai menilai pencapaian dan prestasi pentadbiran negeri sepanjang lima tahun.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan kad laporan yang julung kali itu merangkum semua pencapaian dalam sektor ekonomi selain penyaluran bantuan kepada rakyat.

Beliau yang juga pengerusi Pakatan Harapan Selangor yakin rakyat kembali memilih pentadbiran sedia ada berdasarkan prestasi mereka yang termuat dalam kad laporan berkenaan.

"Buku laporan itu rangkuman pencapaian negeri dari segi mikro ekonomi dan program kebajikan setiap EXCO.

"Kadang-kadang orang tidak tahu program kita. Jadi, kita rangkum untuk difahami dan dinilai. Kalau dibentang, rakyat ada kecenderungan tinggi untuk kembali pilih kita," katanya pada 23 Jun.

Kad 96 halaman terbahagi kepada sektor ekonomi, kebajikan selain usaha menangani krisis kesihatan dan bencana serta program masa hadapan Selangor boleh dimuat turun di www.selangorpenyayang.com/ dan amirudinshari.com mulai 1 Julai.

Tingkat daya saing wanita

Pasar produk ke luar negara

Oleh **DIANA ABD WAHAB**

KUALA LUMPUR - Pemenang program Liga Usahawan Wanita Selangor berpeluang memasarkan produk mereka ke luar negara khususnya di Asia Tenggara.

EXCO Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail berkata program berkenaan antara platform untuk meningkatkan daya saing wanita serta mengembangkan perniagaan di negara jiran.

Katanya, banyak program pengembangan perniagaan boleh diikuti pemenang termasuk dana untuk produk, bantuan pinjaman selain geran untuk peralatan atau bantuan pembungkusan.

"Dengan cara ini, kita yakin sekiranya mereka bersedia pentadbiran negeri akan beri peluang usahawan berjaya ini ke luar negara namun ikut skala kemampuan mereka," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis pengumuman Ikon Liga Usahawan Wanita Selangor anjuran Selangor Youth Community (SAY) di sini pada 21 Jun.

Rodziah menjelaskan 10 usahawan wanita yang terpilih daripada 30 peserta membuat pembentangan di depan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah dan empat juri.

"Kali ini, Tuanku fokus kepada wanita khususnya dari golongan B40 dan asnaf kerana kita rasakan golongan ini sering terpinggir dan tiada peluang untuk diberikan bimbingan.

"Menerusi program ini, mereka dibimbing mentor yang sudah terkenal dan berjaya dalam bidang perniagaan. Ini pengalaman berbeza bagi usahawan wanita kita," katanya.

Selain itu, program Liga Usahawan juga dijangka diperluas dalam kalangan pelajar sekolah tahun depan.

Menurut Rodziah, perancangan itu hasil perbincangan bersama Tengku Amir Shah.

"Tuanku Raja Muda merancang beri tumpuan untuk wujudkan program sama untuk pelajar sekolah pula selepas ini.

"Kita harapkan penggal depan awal Januari program ini dapat dilaksanakan. Justeru, dalam setahun kita boleh laksanakan empat program iaitu SAY Aspire, SAY Lead, Liga Usahawan Wanita dan program untuk pelajar sekolah," katanya.

Program itu antara pelbagai projek berimpak tinggi bermatlamat memampukakan wanita B40 melalui pembinaan kemahiran, ilmu dan sumber untuk menjana pendapatan melalui peluang perniagaan.



TROPICANA AMAN
KOTA KEMUNING

UNIT BUMIPUTERA, PAKEJ ISTIMEWA UNIT TERHAD

POTONGAN HARGA BUMIPUTERA

<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 5px;"> <p>ELEMEN RESIDENCES</p>  <p>RUMAH TERES 2 TINGKAT 26' x 80'</p> </div>	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 5px;"> <p>TRIANA 2 & 3-Storey Shop-Offices</p>  <p>KEDAI PEJABAT 24' x 70' / 35' x 70'</p> </div>
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 5px;"> <p>FREESIA RESIDENCES</p>  <p>RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT 48' x 80' / 38' x 90'</p> </div>	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 5px;"> <p>GEMALA RESIDENCES</p>  <p>RUMAH TERES 2 TINGKAT 32' x 75' / 32' x 87'</p> </div>



1700 81 8868
tropicanaaman.com.my

TROPICANA AMAN PROPERTY GALLERY
No.2, Persiaran Aman Perdana 3, Bandar Tropicana Aman,
42900 Teluk Panglima Garang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.



RM50,000 naik taraf surau SBPI Gombak

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor mempe-
runtuk RM50,000 bagi menaik taraf surau
Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)
Gombak yang usang.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kerja penambahbaikan itu penting demi menjamin keselesaan kira-kira 800 pelajar termasuk masyarakat sekitar sekolah berkenaan.

"Kita beri RM50,000 sebab kebetulan surau itu juga digunakan untuk solat Jumaat bukan sahaja pelajar tetapi masyarakat luar.

"Saya harap ia dapat bantu mereka mengurangkan tekanan dalam penyenggaraan terutama menambah baik kemudahan yang daif," katanya yang akan meneliti permohonan naik taraf padang pada 21 Jun.

Hargai sumbangan sukarelawan negeri

SUBANG JAYA - Dato' Menteri Besar merakam penghargaan buat sukarelawan Team Selangor atas usaha gigih membantu rakyat ketika dilanda musibah.

Dato' Seri Amirudin Shari juga bangga kumpulan sukarelawan berkenaan bergerak aktif dalam melaksanakan pelbagai program dan khidmat masyarakat.

"Pasukan sukarelawan inilah menjadi penyokong kepada rakyat ketika susah dan memerlukan bantuan.

"Saudara-saudari telah membuktikan kemampuan negeri kita menjadi berdaya tahan melalui khidmat dan sumbang bakti yang telah dicurahkan," katanya pada 18 Jun.

Amirudin turut memaklumkan sukarelawan Team Selangor memainkan peranan penting dalam membina kemakmuran rakyat serta membantu Kerajaan Negeri menghadapi situasi yang mencabar.

Perluas khidmat van transit

SHAH ALAM - Perkhidmatan van transit atas permintaan (DRT) akan diperluas ke kawasan penduduk padat berikutan maklum balas positif orang ramai.

EXCO Pengangkutan Awam Ng Sze Han berkata DRT adalah pengangkutan yang memudahkan ramai pengguna untuk melalui kawasan laluan sempit yang tidak boleh dilalui Bas Smart Selangor.

"Inisiatif di bawah Selangor Mobiliti ini diharap meningkatkan kebolehcapaian pengguna untuk menggunakan pengangkutan awam.

"Selepas ini, perkhidmatan DRT akan diperluas ke kawasan lain bagi memastikan lebih ramai penduduk menerima manfaat," katanya pada 21 Jun.

Beliau menambah dua syarikat dipilih sebagai penyedia perkhidmatan untuk melaksanakan projek perintis DRT menerusi inisiatif Selangor Mobiliti.

Sambutan hangat karnival kerjaya

SHAH ALAM - Karnival Kerjaya Mega Selangor 2023 merekod sambutan luar biasa termasuk kehadiran pencari kerja dari luar Selangor.

EXCO Modal Insan Mohd Khairuddin Othman berkata hampir 6,000 pengunjung hadir pada 17 Jun termasuk dari Melaka dan Negeri Sembilan.

"Antara kelainan yang dibawa ke karnival kerjaya ialah kita memudahkan perjalanan permohonan dengan babit lebih 100 majikan termasuk anak syarikat Kerajaan Negeri.

"Malah, kita menerima banyak permintaan daripada majikan lain untuk mengikuti program tetapi berasa tidak mahu terlalu gah, dan biarkan keadaan seperti hari ini," katanya pada 18 Jun.

Beliau menambah kadar pengangguran turun kepada 2.6 peratus pada suku pertama tahun ini berbanding 2.9 peratus tahun lalu, sebahagianya hasil penganjuran karnival sedemikian.

"Fungsi Kerajaan Negeri adalah menyediakan platform untuk rakyat

(karnival kerjaya), kalau ada cerita mengatakan ramai tiada kerja di Selangor, ia tidak benar.

"Kini kadar pengangguran suku pertama tahun ini 2.6 peratus berbanding sebelum ini pernah melebihi empat peratus ketika berdepan Covid-19," katanya.

Karnival pada kali ini melibatkan lebih 100 syarikat antaranya sektor F&B (makanan dan minuman), perkhidmatan, automotif, pendidikan serta perhotelan dan pelancongan.

Bantuan mulai Julai

2,000 penghantar terima RM500

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Hampir 2,000 lagi pekerja p-panggilan bakal menerima bantuan RM500 dan RM50 caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menerusi Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) pada Julai, kata EXCO pembangunan generasi muda.

Mohd Khairuddin Othman menjelaskan pemberian tersebut susulan pertambahan peruntukan RM1 juta

bagi membantu lebih ramai pekerja ekonomi sampingan itu.

"Tahun ini hampir 6,000 pekerja p-panggilan membuat permohonan insentif RiDE namun kita hanya mampu bantu separuh jumlah pemohon.

"Bagaimanapun, kita terima peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta dan ini membolehkan lebih ramai pemohon mendapat manfaat," katanya pada 20 Jun.

RiDE diwujudkan pada 2020 berikutan Kerajaan Negeri melihat keperluan

an melindungi pekerja sektor itu berikutan kebergantungan masyarakat terutama selepas penularan wabak Covid-19.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan peruntukan tambahan bagi melayakkan lebih ramai pekerja p-panggilan mendapat manfaat RiDE.

Pada 10 Jun, 3,000 pekerja p-panggilan menerima wang tunai RM500 dan caruman KWSP bernilai RM50 menerusi dana RM2 juta.

Akademi al-Quran di semua daerah

SHAH ALAM - Mewujudkan Akademi Literasi al-Quran di semua daerah antara rancangan Dato' Menteri Besar dalam membugarkan Islam di Selangor berlandaskan ilmu.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha melahirkan umat Islam yang mahir membaca kitab suci dibuat di masjid negeri ketika ini, dengan 100 graduan dilahirkan.

Beliau menjelaskan akademi itu juga dibangunkan di Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Sepang bagi memastikan syiar Islam dimartabat

sepenuhnya, bukan dengan semangat semata-mata.

"Kita mahu membugarkan Islam di Selangor dengan ilmu, bukan hanya semangat. Kalau dengan semangat bagus tetapi apabila kita kaji dengan pengetahuan, kita akan jadi lebih bijaksana.

"(Di akademi ini) bukan hanya tahu mengaji tetapi ada qiraat dan tilawah. Mungkin selepas ini boleh tambah tafsir atau pemahaman mengapa ayat itu diturunkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi Sembang Malam: 5 Tahun Amirudin

Shari Mengurus Krisis dan Mentadbir Negeri yang disiarkan secara langsung di TikTok SelangorTV pada 19 Jun.

Amirudin juga memaklumkan beliau ada bertemu Mufti Selangor Dato' Dr Anhar Opir bagi membincangkan pelaksanaan program pengajian kitab turath secara tersusun di masjid negeri.

Beliau menambah program yang dilaksana selewat-lewatnya pada Ogos juga akan diperluas ke peringkat daerah dalam tempoh enam bulan selepas pelancaran.

Pastikan rakyat miliki kediaman

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bera-
zam memastikan lebih ramai rakyat
memiliki kediaman bermutu, selesa
dan selamat menerusi beberapa inisiatif
termasuk Rumah Selangorku 3.0.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan dasar berkenaan menetapkan harga mampu milik sehingga RM250,000 dan ke bawah selain program Skim Smart Sewa.

"Itu harga kawalan dan jumlah yang diluluskan kira-kira 60,000 unit dengan yang siap sekitar 4,500 unit dan kira-kira 7,000 dalam pembinaan dan selebihnya Kebenaran Merancang.

"Jika tidak, kita akan mencipta 'slum area' (kawasan tidak terurus) baharu. Sebab itu, ada beberapa langkah yang telah (dan sedang) dilaksanakan dan akan ditambah," katanya pada 19 Jun.

EXCO Perumahan Rodziah Ismail

sebelum ini berkata pentadbiran negeri menasabah pembinaan 60,000 unit rumah menjelang 2025 dengan 83,603 permohonan direkod setakat 1 Februari.

Skim Smart Sewa memberi peluang kepada penyewa antara dua hingga lima tahun untuk menggunakan 30 peratus nilai sewaan yang dipulung kepada mereka bagi membeli Rumah Selangorku.



Tengku Amir Shah (tengah) bersama pemenang dan peserta pusingan akhir Liga Usahawan Wanita Selangor di Kuala Lumpur pada 21 Jun. Foto FIKRI YUSOF

Tiga wanita ikon usahawan Selangor

KUALA LUMPUR - Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor berkenan menobatkan tiga wanita berpendapatan rendah sebagai pemenang pusingan akhir Liga Usahawan Wanita Selangor.

Tengku Amir Shah berkenan menyampaikannya hadiah kepada pemenang pertama Sofea Chan Shu Fen Abdullah dalam majlis julung kali anjuran Selangor Youth Community (SAY) di sini pada 21 Jun.

Sofea Chan yang juga seorang muaf menjalakan perniagaan snek kulit popiah jenama Pop Yummy.

Nor Sabrina Nor Saidi yang menawarkan khidmat jahitan pembalut stereng kenderaan diumumkan sebagai pemenang kedua diikuti usahawan kerepek sayuran Fauziah Abdus Somad di tempat ketiga.

Ketiga-tiga mereka membawa pulang piola dan geran perniagaan bernilai RM3,000 di samping layak ke Liga Usahawan Wanita Selangor Plus yang menyediakan bimbingan antara tiga hingga enam bulan.

Terdahulu, Tengku Amir Shah mencemari duli menjadi juri pusingan akhir liga berkenaan mendengar pembentangan perniagaan usahawan wanita terbabit bersama empat juri selama tiga jam sebelum menyampaikan hadiah kepada pemenang dan sijil penyertaan kepada semua peserta.

Sasaran hingga akhir tahun

Sedia 7,000 surat tawar rumah

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) menyasar 7,000 surat tawaran Rumah Selangorku dikeluarkan kepada pemohon sehingga akhir tahun.

Penolong pengarah kanannya berkata lebih 3,000 surat tawaran dikeluarkan setakat ini berdasarkan 41 projek pembinaan rumah mampu milik yang berdaftar seluruh negeri.

Mohd Faizal Abd Kadir menjelaskan sistem permohonan hartanah negeri menjana kelayakan pemohon membeli rumah berharga antara RM100,000 hingga RM250,000 secara automatik mengikut merit.

"Biasanya rakyat Selangor atau in-

dividu yang sudah berkahwin diberi keutamaan dengan senarai nama dikeluarkan mengikut markah tertinggi," katanya pada 22 Jun.

Namun, beliau mengakui 50 peratus tawaran rumah jenis bangunan tinggi (high rise) ditolak berikutan pemohon gagal memperoleh pembiayaan, salah pilih lokasi atau ada pilihan lain.

"Rumah jenis 'high rise' pemohon ada pilihan memandangkan pembinaan rumah jenis ini di Lembah Klang sangat banyak. Sekiranya mereka tidak beli hari ini, mereka masih boleh tunggu lagi.

"Kalau rumah 'landed' mereka tiada pilihan dan rugi lepaskan peluang jika mendapat tawaran. Jadi pemohon akan terima juga tawaran malah berusaha mendapatkan pinjaman," katanya.

Wujud kerjaya jurukitar

SHAH ALAM - Selangor berhasrat untuk mewujudkan kerjaya sebagai jurukitar semula yang bertanggungjawab bagi mengurus barangan terpakai seterusnya menjana sumber kewangan.

EXCO Kesejahteraan Bandar Rodziah Ismail menjelaskan modul berkaitan usaha berkenaan telah dikemuka kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK) baru-baru ini.

"Saya bertemu JPK dan kemukakan satu modul untuk pengurusan sampah dan hasrat kita mahu mewujudkan jurukitar semula sebagai satu profesion (kerjaya) yang diiktiraf di Malaysia.

"Jurukitar semula yang dimaksudkan tahu menilai sampah ini sebagai contoh kaca, plastik atau kertas mana yang boleh mendatangkan keuntungan dan tidak boleh buang sembarangan," katanya.

PETALING JAYA

Kediaman Peribadi Yang Eksklusif Untuk Anda

VERANDO RESIDENCE

HIGHLY COMMENDED
BEST MASS MARKET CONDO/APARTMENT DEVELOPMENT (KLANG VALLEY)
Verando Residence by Masteron Sdn Bhd
2019

Daripada **RM2,100** Sebulan
3 Bilik Tidur + 2 Bilik Air
864-1211 kaki persegi

SATU PROJEK UNGGUL DARI PADA:
MASTERON SDN BHD
(79249-H)

VERANDO RESIDENCE

+603-92127886
www.pjsouthcentral.com.my

Permaisuri Masteron Sdn Bhd (79249-H) • Jenis Kediaman: Pangsapuri • No. Lesen Pemaju: 7504/03-2025/0119/R • Tempoh Sah: 22/03/2022 - 29/03/2025 • No. Permit Ajan dan Jualan: 7504-6/03-2024/0648/R(S) • Tempoh Sah: 30/03/2023 - 29/03/2024 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBPJ/1201/001/P/19/130/2017/0 • Paparan Tanah: Pasakan 99 Tahun (tempoh tamat: 13/7/2116) • Betatan Tanah: Traci • Tarikh Dianggap Siap: Dis. 2023 • Anggaran Unit: 520 • Harga Jualan: RM560,000 (Harga Minimum) - RM629,000 (Harga Maksimum) • Diskaun Bump-up: 7% • Skema Keperluan: Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadajikan melainkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Lulus sekolah agama persendirian

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) meluluskan pendaftaran sekolah agama persendirian yang memenuhi syarat pihak berkuasa tempatan (PBT).

EXCO Hal Ehwal Islam Mohd Zawawi Ahmad Mughni menjelaskan ketetapan berkenaan berkuat kuasa mulai tahun ini berikutan kelonggaran telah diberi selama dua tahun sejak 2021.

"Jais bertegas untuk tidak menerima pendaftaran akademik daripada sekolah agama persendirian yang gagal mendapat ulasan PBT," katanya yang mengakui syarat kelulusan setiap PBT berbeza menerusi kenyataan pada 22 Jun.

Mohd Zawawi menjelaskan pengusaha sekolah juga diajak berbincang dan diberi penerangan berkaitan program pemutihan termasuk syarat kelulusan PBT sejak 1 Januari 2021.

Jom sertai sukan tradisional Unisel

SHAH ALAM - Pelajar tingkatan empat dan lima sekitar daerah Petaling dan Klang dipelawa menyertai pertandingan sukan tradisional anjuran Universiti Selangor (Unisel) pada 6 Julai.

Berdasarkan perkongsian penyandang Seri Serdang Dr Siti Mariah Mahmud, sebanyak 10 acara dipertanding termasuk permainan congkak, sepak bulu ayam dan gasing.

"Pelbagai acara menarik dan hadiah berupa wang tunai turut menanti anda! Jangan lepaskan peluang anda," katanya di Facebook pada 19 Jun.

Pertandingan anjuran bersama Majlis Perpaduan dan Integrasi Selangor (MPIS) diadakan di Dewan Pro-Canselor Unisel, kampus Shah Alam bermula jam 8 pagi sehingga 4 petang.

Hubungi Hairin 019-271 6394 atau Dalina 013-340 7777 untuk semak maklumat lanjut.

Sentiasa semak lokasi JER di FB

HULU SELANGOR - Orang ramai disaran menyemak lokasi jualan murah barangan asas dari semasa ke semasa di laman rasmi Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

Penolong pengurus logistik sektor perniagaan dan pemasarannya berkata lokasi Jualan Ehsan Rahmah (JER) yang diadakan setiap hari kecuali Jumaat dan cuti umum boleh disemak di Facebook PKPS atau pautan linktr.ee/myPKPS

"Kita menggerakkan 12 lori ke setiap daerah hampir setiap hari, mengikut jadual ditetapkan.

"Sempena musim perayaan, kita akan gerakkan lori ke 24 lokasi lagi, dua hari sebelum raya sebelum disambung semula pada Isnin depan," kata Mohd Hasri Abu Hassan pada 25 Jun.

Ekonomi negeri terus berkembang

SHAH ALAM - Prestasi ekonomi negeri berkembang sepanjang lima tahun pentadbiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari meski berdepan banyak cabaran termasuk bencana luar jangka.

Edisi 6-12 Julai berkongsi data rancangan pertumbuhan tersebut yang bakal termuat dalam kad laporan pencapaian negeri dalam tempoh itu, dijadual terbit kepada umum pada 1 Julai.

Menyumbang 24.8 peratus atau satu perempat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada negara, Selangor juga mencatat angka tertinggi di Malaysia dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Laporan berkenaan juga merumuskan pelbagai inisiatif kebajikan kepada

segenap lapisan penduduk selain proses pengagihan semula hasil negeri kepada orang ramai.

Ia menjadi wadah kepada rakyat untuk membuat penilaian terhadap keberkesanan pentadbiran negeri yang dibubar pada 23 Jun sebelum proses demokrasi berlangsung selewat-lewatnya Ogos.

Pancawarna turut merakam pencapaian kerjasama berpasukan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam menjayakan program dan dasar negeri mengikut portfolio masing-masing.

Ia termasuk kejayaan EXCO Industri dan Perdagangan Dato' Teng Chang Khim menganjurkan Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) pada 2022 yang merekod nilai transaksi perniagaan RM1.45 bilion.

Pencapaian EXCO lain antaranya EXCO Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail, EXCO Infrastruktur dan Pertanian Ir Izham Hashim dan EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam Ng Sze Han juga dimuatkan.



Saran anjur jualan murah lebih kerap

Bantu OKU, warga emas berjimat

Oleh **AZIAN AZIZ**

AMPANG JAYA - Jualan Ehsan Rahmah (JER) yang menawarkan barangan asas bermutu pada harga murah membantu orang kurang upaya (OKU) dan warga tua yang tidak bekerja untuk berjimat.

OKU kategori lembam Mohd Najib Khalil, 53, mengakui program itu banyak membantu berikutan harga barang yang tinggi di pasaran luar menyukarkannya untuk menikmati lauk ayam dan daging dengan kerap.

"Saya tinggal seorang diri. Dengan duit itu, saya berjimat. Apabila ada jua-

lan murah, saya tidak akan melepaskan peluang kerana harga ditawarkan murah dan barangannya bermutu," katanya.

Menetap di Pangsapuri Taman Keramat di sini, beliau yang menerima bantuan bulanan RM350 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat berharap JER dianjurkan lebih kerap di kawasan tersebut.

Pandangan sama turut dikongsi Che Norihan Mohamad Zain, 58, yang menetap bersama kakak dan rakannya, penghidap barah.

"Kami bertiga tidak bekerja kerana tidak sihat serta berusia dan memang

mengharapkan bantuan perubahan kerajaan dan wang bulanan Lembaga Zakat Selangor untuk sara hidup.

"Sebab itu, apabila ada JER walaupun lokasi jauh, saya sanggup datang. Dapat membeli ayam, daging, ikan dan telur pada harga murah," katanya.

Mereka antara 300 pengunjung jualan murah peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang di Surau Al-Taqwa, Taman Keramat di sini pada 21 Jun.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal beku (RM10/pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6/pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM10).

PKPS galak penduduk berniaga

AMPANG JAYA - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mempelawa penduduk untuk membuka gerai di lokasi program Jualan Ehsan Rahmah (JER) bagi menjana pendapatan.

Penolong Pengurusnya Azri Md Yusof menjelaskan mereka boleh berniaga apa sahaja kecuali barangan asas selepas mendapatkan kebenaran wakil penduduk lokasi penganjuran program itu.

"Konsep kita dari awal lagi penduduk boleh membuka gerai mereka sendiri. Apa-apa barangan termasuk

buah-buahan bersebelahan JER," katanya pada 20 Jun.

Pada program jualan murah peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pandan Indah di Pandan Utama, seorang peniaga menjual makanan laut antara sotong, udang dan ketam selain nanas.

Pegawai Khas kepada EXCO Pertanian Abdul Razak pula berkata gerai tambahan bersebelahan jualan murah itu dibuka atas permintaan penduduk.

"Ia (buka gerai) berdasarkan keputusan mesyuarat bersama PKPS bersama

pengurusan DUN yang memohon bagi pihak penduduk di sini. Ia dibuka berasingan dengan JER," katanya.

Terdahulu, semua jualan murah barangan asas iaitu 400 ekor ayam, daging (300), telur (400) ikan (300), beras (300) dan minyak masak (300) habis dalam tempoh kurang dua jam.

Dalam program mulai jam 10 pagi itu, ramai penduduk beratur sejak jam 8.30 pagi untuk membeli barangan 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran.



Foto REUTERS

Rai bakal haji

Oleh **ALANG BENDAHARA**

Selangor satu-satunya negeri yang menyediakan Insentif Haji Muassasah kepada jemaah haji.

Lebih RM13 juta diperuntuk bagi menayakan program tahunan sejak 2017 melalui pembiayaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI kepada 26,000 jemaah.

Mereka yang tergolong dalam kelompok berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40) layak menerima wang tunai RM500 setiap seorang.

Keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kepentingan Rukun Islam kelima itu meringankan beban jemaah dalam menampung kos mengerjakan haji yang meningkat hampir 10 peratus sejak 2021.

Kos pada tahun berkenaan hanya RM22,900 seorang sebelum naik kepada RM28,632 pada 2022 manakala tahun ini pula, perbelanjaannya RM30,850 seorang tanpa subsidi kerajaan.

Melalui Bantuan Kewangan Haji yang disediakan Tabung Haji, kos bagi B40 ialah RM10,980, M40

(RM15,980) dan T20 (RM30,850).

Insentif Haji Muassasah yang terhenti pada 2020 dan 2021 berikutan pandemik Covid-19 diteruskan pada 2022, malah bantuan ditambah baik melalui pemberian kit syifa kepada jemaah.

Kit berkenaan mengandungi ubat-ubatan, cecair pembasmi kuman, losyen dan pelembap bibir yang melibatkan peruntukan RM1.653 juta.

Kemudahan tersebut disediakan kepada jemaah beralamat di Selangor atau telah mendaftar haji di mana-mana cawangan Lembaga Tabung Haji di Selangor.

Jemaah yang kad pengenalnya beralamat di luar Selangor tetapi menetap di negeri ini juga boleh memohon dengan mengemukakan dokumen sokongan.

Pemohon juga perlu mendapat pengesahan tawaran menunaikan haji daripada Lembaga Tabung Haji negeri Selangor.

Permohonan boleh dibuat di mana-mana pejabat Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Berikut reaksi penerima Insentif Haji Muassasah yang ditemui Selangorkini antara Jun hingga September 2022:



“Skim ini baik dan sangat bersyukur bila dapat. Kami harap sumbangan ini akan diteruskan pada masa akan datang. Ini akan bantu bakal jemaah lain,”

Mohd Ghazali Mohd Yunos dan isteri, **Nazha Mohamed Arip**, kakitangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).



“Bantuan ini akan digunakan untuk keperluan harian memandangkan saya masih belajar. Terima kasih kerana meraikan jemaah,”

Muhammad Firdaus Shamsaimon, 23.



“Selepas dapat surat tawaran dan tarikh penerbangan, kami terus mohon Insentif Haji Muassasah. Kami hargai sumbangan Kerajaan Negeri kepada bakal jemaah,”

Ramlan Sulaiman, 56.



“Saya turut berterima kasih kepada MBI yang sudi menghulurkan bantuan kepada saya, sekurang-kurangnya boleh tampung perbelanjaan di sana nanti,”

Shahidi Hamid, 56.

PERUNTUKAN PROGRAM INSENTIF HAJI MUASSASAH

Tahun	Bilangan Penerima	Peruntukan (RM)	Catatan
2018	6,500	3,250,000	Sumbangan wang tunai
2019	6,500	3,250,000	Sumbangan wang tunai
2020	-	-	Pandemik Covid-19
2021	-	-	Pandemik Covid-19
2022	3,000	1,654.800	Sumbangan wang tunai dan kit haji
2023	3,000	1,653.000	Sumbangan wang tunai dan kit haji
Jumlah	19,000	9,809.600	

Sumber: Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI



Mohd Shahzihan (empat, kiri) menerima sumbangan daripada Ketua Pegawai Eksekutif PKNS Dato' Mohd Azizi Zain di Shah Alam pada 18 Oktober 2019

Didik anak cemerlang

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **ASRI SAPPFIE**

Selangor sangat mengambil berat pendidikan Islam anak negeri, membelanjakan lebih RM180 juta setahun untuk kemajuan sekolah dan kebajikan guru sekolah agama dan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa).

Jumlah gaji, elaun dan imbuhan Bahagian

Pendidikan Islam (BPI) Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) sebanyak RM72.3 juta, tidak termasuk gaji guru kontrak RM11.6 juta dan emolument guru Kafa RM2 juta.

“Peruntukan mengurus Jais (sebanyak RM280.7 juta) mengatasi hasil negeri Perlis setahun,” kata Pengarahnya Dato’ Mohd Shahzihan Ahmad kepada Selangorkini pada 23 Jun sebagai perbandingan. “Ini komitmen tiap-tiap tahun, kira-kira 64 peratus daripada RM280

juta peruntukan mengurus Jais.”

Belanjawan negeri paling kecil itu bagi tahun 2023 berjumlah RM293.36 juta, sementara jumlah kutipan hasil dianggarkan RM112.23 juta.

Dengan jumlah peruntukan tersebut, pendidikan agama di Selangor mendapat sambutan hangat ibu bapa, khususnya di sekolah yang menawarkan program integrasi dan cemerlang.

Mohd Shahzihan memberi contoh kejayaan Sekolah Agama Menengah Bestari (SAMBest) Subang Jaya yang mencapai Gred Purata Sekolah (GPS) 1.22 dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2022. Ia lebih baik berbanding Kolej Islam Sultan Alam Shah (Kisas).

“SAMBest mengatasi Kisas, terbaik satu Malaysia dalam SPM. Gurunya daripada Kementerian Pendidikan Malaysia tetapi semua anak muridnya kita (Jais) pilih daripada sistem sekolah rendah kita.

Tidak malu

“Saya melancarkan Program Pemberdayaan bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Saya mahu (pelajar) sekolah agama tidak malu untuk bercakap Inggeris, tidak malu juga untuk berbahasa Arab,” katanya.

Mula dibuka pada Mei 1998, SAMBest yang dirancang oleh BPI Jais bertujuan memantapkan sistem pendidikan agama yang menawarkan jurusan sains tulen dan sains teknikal.

Kejayaan seperti ini pastilah hasil peruntukan mengurus yang semakin meningkat daripada RM96.2 juta pada 2018, RM96.6 juta (2020) dan RM102.3 juta (2022). Dana ini bagi menampung pelbagai jenis pendidikan agama di beberapa tahap di sembilan daerah. ▶

PERBELANJAAN PENDIDIKAN ISLAM 2023

Jenis perbelanjaan	Peruntukan (RM)
Emolumen	72,325,832
Perkhidmatan dan bekalan	27,114,471
Aset	143,089
Pemberian dan kenaan bayaran tetap	2,334,030
JUMLAH	101,917,422

PERBELANJAAN KAFA 2023

Jenis perbelanjaan	Peruntukan (RM)
Emolumen	2,030,247
Perkhidmatan dan bekalan	65,871,538
JUMLAH	67,901,785

Sumber Jabatan Agama Islam Selangor

Cahaya syiar Islam

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

Bagi menyalakan cahaya syiar agama di masjid dan surau, Selangor menyediakan dana yang besar kepada barisan imam dan penggerak institusi terpenting umat Islam itu.

Seramai 782 orang imam menerima elaun RM1,300 sebulan setiap seorang, sementara bilal 1 dan 2 masing-masing menerima RM290 dan RM200 seorang. Siak 1 dan 2 pula mendapat elaun RM240 dan RM150 seorang.

Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) memperuntuk dana RM11.7 juta setahun, termasuk RM7.6 juta daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), untuk imam 1 dan 2.

Untuk 782 orang bilal, jabatan tersebut menyediakan peruntukan RM2.2 juta, manakala dana untuk siak pula RM1.7 juta.

Keseluruhannya, elaun untuk imam dan penggerak masjid termasuk nazir, timbalannya, setiausaha dan bendahari berjumlah RM18.1 juta setahun.

Jumlah ini tidak termasuk RM972,400 kepada penolong setiausaha, penolong bendahari, sembilan ahli jawatankuasa (AJK) dan dua pemeriksa kira-kira yang disumbang Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Sementara sumbangan agensi agama seperti Jakim dan LZS untuk menampung elaun pegawai dan jawatankuasa masjid bernilai RM19.1 juta setahun.

Perbelanjaan ini untuk 436 masjid yang dipecahkan kepada enam kategori: kariah (375 buah), institusi (17), naik taraf (26), diraja (lapan), daerah (sembilan) dan negeri (sebuah).

Dengan jumlah besar ini, pengarah Jais menafikan perkembangan Islam "malap" seperti tohmahan pihak tertentu.

"Ada yang menyebut malap. Kalau kita balik kepada prinsipnya, (tohmahan) itu tidak betul. Kalau sebut malap, itu tidak betul. Apatah lagi kalau menyebut malap itu (diukur dengan) kehadiran ramai," kata Dato' Mohd Shahzihan Ahmad kepada Selangorkini pada 23 Jun.

Beliau juga menegaskan pentingnya masjid dan surau dijadikan tempat perpaduan

umat Islam dan jauh daripada persengketaan termasuk politik kepartian.

"Dalam khutbah Jumaat kedua, kita minta kepada Allah jadikan masjid dan surau ini tempat yang menyatukan ummah. Saya masuk (Jais), saya ubah (masukkan perkara itu dalam) khutbah itu," jelasnya, yang memimpin jabatan itu mulai September 2019.

Ilmu yang benar

"Tetapi kalaulah satu-satunya pusat komuniti Islam di kariah ini bergaduh, berperang, bagaimana hendak menterjemahkan isu kesatuan di peringkat negeri? Apatah lagi (perpaduan) di peringkat persekutuan?"

Mohd Shahzihan bagaimanapun menyedari hidup bermasyarakat tidak lekang daripada perbezaan pandangan tetapi tidak seharusnya menjadi medan pergaduhan.

"Dalam Islam, di masjid dan surau, perbezaan memang perlu ada. Perbezaan di kalangan pegawai, contohnya, boleh menghasilkan keputusan-keputusan yang lebih bernas.

"Tetapi (sebahagian umat Islam) tidak begitu. Berbeza sahaja, bergaduh dan menggunakan masjid untuk menyatakan pendirian (tertentu). Masjid itu mesti menjadi pusat pengetahuan ilmu Islam, bukan pusat berpolitik," katanya.

Namun beliau melihat perkembangan di Selangor bertambah baik apabila semakin ramai minat mendalami ilmu di masjid dan surau.

"Tetapi sekarang sudah nampak, alhamdulillah, rakyat semakin bijak untuk memilih ilmu yang benar. Tok guru-

Jais mengendalikan 576 sekolah dalam enam kategori sejak prasekolah hingga Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). Kategori lain, Kafa Integrasi (Kafa-i), Sekolah Rendah Agama (SRA), SRA Integrasi (SRAI) dan Sekolah Agama Menengah (SAM).

Kebanyakan sekolah ini berada di daerah Petaling (117 buah), Hulu Langat (102), Gombak (80), Klang (63) dan Kuala Selangor (57).

Peruntukan besar itu digunakan untuk menjaga kebajikan 8,102 guru sekolah agama yang sebahagian besar berada di Petaling (1,560 orang), Hulu Langat (1,315), Klang (1,214), Gombak (940) dan Kuala Selangor (786).

Jumlah ini tidak termasuk 1,718 orang guru rakyat di semua jenis sekolah.

Mereka memberikan khidmat cemerlang



mendidik 263,017 murid yang sebahagian besarnya berada di Petaling (55,801 orang), Klang (43,275), Hulu Langat (43,047), Gombak (33,035) dan Kuala Langat (22,105).

Jumlah di atas tidak termasuk 902 sekolah agama swasta dengan 7,616 guru dan 77,353 orang murid.

Caruman KWSP

Dalam wawancara di pejabatnya di Shah Alam, Mohd Shahzihan berkata Kerajaan Negeri merancang melantik 656 guru Kafa dalam tempoh lima tahun dengan dana RM14.6 juta.

"Baru-baru ini lulus pula 656 orang lagi guru Kafa, pelantikan mereka mengikut (keperluan) tahun. Seramai 150 orang (dilantik) berperingkat-peringkat," katanya, mengulas pengumuman

ELAUN PEGAWAI MASJID KARIAH 2023

Jawatan	Elaun (RM)	Setahun (RM)
Imam 1 & 2	1,300	11,700,000*
Nazir	250	1,125,000
Timbalan nazir	100	450,000
Setiausaha	100	450,000
Bendahari	100	450,000
Bilal 1	290	1,305,000
Bilal 2	200	900,000
Siak 1	240	1,080,000
Siak 2	150	675,000

* termasuk sumbangan Jakim

Sumber Jabatan Agama Islam Selangor

SUMBANGAN BAGI ELAUN PEGAWAI & AJK MASJID 2023

Agensi	Sebulan (RM)	Setahun (RM)
LZS	-	972,400
Jais	873,750	10,485,000
Jakim	637,500	7,650,000
JUMLAH	1,511,250	19,107,400

Sumber Jabatan Agama Islam Selangor

tok guru pondok ini mengajar orang beramal dan bercerita tentang Islam yang benar.

"Langsung tidak pernah menyindir soal-soal politik semasa. (Mereka) tidak pernah memberi pendirian soal-soal politik semasa (di masjid dan surau)," katanya.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 18 Mei.

"(Dalam Belanjawan 2023), Dato' Menteri Besar menaikkan (elaun guru Kafa) kepada RM1,500 (setaraf gaji minimum). Kita selaraskan RM1,500, banyak duit yang terlibat."

Langkah itu yang menelan perbelanjaan RM4.8 juta bakal memanfaatkan 2,825 guru yang sebelum ini dibayar elaun serendah RM1,350 sebulan.

Dua tahun sebelum itu, Kerajaan Negeri memperkenalkan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang memanfaatkan 4,200 guru. Selangor turut menyediakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sebanyak RM5 juta setahun diluluskan pada 2022 dan tahun ini sebagai subsidi bayaran yuran pelajar RM30 sebulan kepada Kafa-i. Bantuan ini dinikmati murid di 296 Kafa-i, sekali gus membantu menyelesaikan tunggakan yuran bulanan membabitkan 14,000 murid daripada keluarga berpendapatan rendah (B40).



Orang ramai membaca Yasin dan tahlil ketika program Darul Ehsan Berselawat di Dataran Karnival Stadium Shah Alam pada 14 Januari 2023



Amirudin mengetuai perarakan Maulidur Rasul peringkat DUN Gombak Setia di Kampung Sungai Chinchin, Gombak pada 10 Oktober 2022



Diiringi Amirudin, DYMM Sultan Sharafuddin merasmikan Masjid At-Taqwa, Bandar Bukit Mahkota, Hulu Langat sempena majlis berbuka puasa dan solat tarawih pada 6 April 2023



Dato' Menteri Besar melihat model cadangan perkampungan Islam Sheikh Muhammad Nur di Kampung Sungai Chinchin, Gombak pada 17 Oktober 2021



Foto Ihsan Global Peace Mission Malaysia

Trak bantuan dibeli hasil kutipan Tabung Kemanusiaan Selangor Prihatin mula digunakan pada September 2021 bagi menjalankan misi bantuan dan kebajikan di Gaza, Palestin



Dato' Menteri Besar menerima cenderamata buku 99 Tanya Jawab Seputar Shalat Lengkap karya Ustaz Abdul Somad selepas syarahan di Stadium Malawati, Shah Alam pada 4 Februari 2020



Islam dijulang

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berucap ketika perasmian Festival Turath Islami Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 20 Mei 2023. Dr Ali Jum'ah (kiri) menghuraikan kitab Ihya Ulumuddin

AGENDA Islam sentiasa dijangka Kerajaan Negeri dan agensinya seperti Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Universiti Selangor (Unisel).

Sebagai ketua agama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sering mencemar duli hadir dalam program berbuka puasa bersama rakyat dan perasmian masjid.

Selain itu, Pejabat Dato' Menteri Besar menganjurkan Festival Turath Islami Selangor melibatkan beberapa ulama tersohor dunia antaranya Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab (Mesir) dan al-Habib Umar Hafidz (Yaman).

Kerajaan Negeri turut menghulurkan bantuan makanan serta barangan keperluan dan memajukan ekonomi melalui Konvensyen Halal Antarabangsa Selangor (Selhac) bagi membantu usahawan meluaskan pasaran.

Golongan memerlukan seperti fakir dan miskin tidak dipinggirkan dengan pelbagai bantuan, selain peruntukan besar untuk sekolah agama rakyat. Malah penduduk Palestin yang menjadi mangsa regim Israel turut mendapat bantuan.

Jurufoto FIKRI YUSOF, AHMAD ZAKKI JILAN, NUR ADIBAH AHMAD IZAM, ASRI SAFPIE, REMY ARIFIN dan MOHD YUSNI ARIFFIN merakam pelbagai program keagamaan dari 2019 hingga tahun ini. Keterangan disediakan oleh HAFIZAN TAIB.



Dato' Menteri Besar (tengah) menyerahkan sumbangan Ihya Ramadan kepada 22 masjid dan 75 surau sekitar Parlimen Gombak di Masjid Al-Amaniah, Gombak pada 19 Mac 2023



Amirudin menyampaikan tazkirah kepada pelajar ketika program Qiamullail dan Bersahur di Universiti Selangor, Kuala Selangor pada 12 Mei 2019



Pengerusi Mais Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dan Ketua Pegawai Eksekutif LZS Mohd Sabirin Mohd Sarbini bersama penerima bantuan pendidikan di Masjid Negeri pada 21 Februari 2023



Petugas membungkus daging untuk agihan sempena Korban Perdana di Kediaman Rasmi Dato' Menteri Besar, Shah Alam pada 11 Julai 2022



Orang ramai tidak melepaskan peluang membeli barangan pada harga lebih rendah ketika Jualan Mega Ehsan Aidilfitri 2023 di Pasar Muhibbah Setia Alam, Shah Alam pada 16 April 2023



Ahli Jawatankuasa Mais Prof Dato' Dr Mujaini Tarimin menyerahkan bantuan kepada Pengerusi Madrasah Darul Islah Mohd Azrai Ahmad Shuhod (kiri) di Sungai Serdang, Klang pada 25 Disember 2020



Orang ramai termasuk wanita dan anak muda turut serta dalam majlis Tadarus al-Quran Perdana di Masjid Nurul Iman, Hulu Selangor pada 19 April 2022



EXCO Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail membuat siaran langsung Facebook ketika melawat reruai Chocolate Museum di Konvensyen Selhac di Kuala Lumpur pada 12 Mac 2023

Al-Ghazali rujukannya umat

Oleh NADIAH ZAMLUS

Al-Ghazali antara ilmunan ulung dan pemikir Islam dikenali serata dunia. Karyanya dalam tasawuf dan falsafah menjadi sandaran umat dan dipelajari dunia Barat.

Karya agungnya, *Ihya Ulumuddin* (Menghidupkan Ilmu Agama) terus-menerus menjadi rujukan umat Islam.

Kitab pertama Kitabul 'Ilm daripada 40 kitab karya tersebut diterjemah ke bahasa Melayu oleh Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) menerusi projek Siri Warisan Islami Selangor.

Bersempena dengan projek penterjemahan 10 jilid *Ihya Ulumuddin* itu, Kerajaan Selangor bersama beberapa agensi negeri menganjurkan Festival Turath Islami Selangor 2023. Diadakan antara 20 hingga 25 Mei, program menampilkan bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab dan ulama pondok Pattani, Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni.

Penterjemahnya, Hilmi Marjunit berkata antara kehebatan al-Ghazali ialah mampu menyampaikan idea kompleks dengan gaya bahasa yang ringkas tetapi dalam lengkok sasterawi yang sederhana.

"Kita dapat mengesan unsur ini dalam hampir kesemua penulisan beliau. Oleh itu, cabaran menterjemah karya ini tentulah dari sudut mengekalkan unsur tersebut semampu yang boleh tanpa menghilangkan idea yang ingin disampaikan."

Ilmuwan itu membuatkan pembaca ingin menghayati al-Quran kerana ia tunjang utama ilmu bagi umat Islam.

Beliau turut membawakan kisah penghayatan ulama terdahulu terhadap al-Quran dalam kehidupan serta cara al-Quran membentuk cara mereka berfikir.

Kedua, al-Ghazali mengupas dengan teliti berkaitan ciri ulama akhirat dan perbezaannya dengan ulama dunia.

"Hal ini bagi saya sangat relevan untuk diketengahkan semula pada hari ini agar masyarakat lebih mendahulukan ilmu dan akhlak agamawan serta pada masa sama tidak mudah terpesona hanya dengan penampilan luaran mereka," katanya.

Apa berlaku dalam hidup Abu Hamid Muhammad ibnu Muhammad al-Ghazali sehingga mampu mencerakinkan hujah yang mempengaruhi pemikir Islam dan Barat?

Perihal itu dinukilkan sejarawan William Montgomery Watt menerusi bukunya, *Muslim Intellectual: A study of al-Ghazali* terbitan 1963 yang diterjemahkan melalui geran Kerajaan

Negeri.

Terjemahan riwayat hidup al-Ghazali itu, dengan kerjasama Media Selangor Sdn Bhd, mula dijual di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada Mei lalu.

Pengarah IBDE Farhan Affandi mengakui hampir tiada buku dalam bahasa Melayu berkisar kehidupan al-Ghazali pernah diterbitkan.

Justeru pihaknya memilih karya Watt kerana beliau sarjana sejarah yang cukup mengenali karya al-Ghazali.

"Buku ini dipilih mengisi kekosongan itu. Karya Watt menarik kerana pengarangnya memberi tumpuan kepada riwayat kecendekiawanan al-Ghazali," katanya.

Sejak 2016, Kerajaan Negeri menyuntik sejumlah dana setiap tahun bagi menterjemah karya-karya penting dunia dalam pelbagai bidang termasuk Islam, sejarah, politik, falsafah, sastera dan seni.

Dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan kini Media Selangor, IBDE sebelum ini sudah menterjemah beberapa karya al-Ghazali. Berikut buku-buku

terjemahan karangan ilmunan Islam itu: -

Ilmu Kalam: Tegahan Buat Orang Awam

Riwayat sahih menyatakan, beliau menyiapkan kitab ini dua minggu sebelum meninggal dunia.

Selain memerihalkan kebaikan, Hujjatul Islam al-Ghazali juga membahaskan pintu-pintu kekacauan dalam ilmu kalam.

Buku ini berisi penghujahan sekitar ilmu kalam dan tegahan ke atasnya.

Ciri Pemisah Antara Islam dan Zindik

Takfir, atau kafir-mengkafir, antara penyakit membawa kemunduran masyarakat Islam berabad lamanya.

Melalui buku Faysal al-Tafriqah baina al-Islam wa al-Zandaqah, al-Ghazali dengan keluasan wawasan pemikirannya memberi takrif jelas kepada takfir.

Beliau meletakkan batasan untuk tidak mengeluarkan orang Islam, walau apa pun kecenderungannya di dalam perpecahan mazhab, daripada

lingkungan Islam selagi ia bersaksi atas keesaan Tuhan dan kenabian Muhammad.

Buku ini antara tulisan al-Ghazali yang paling banyak dibaca.

Al-Mustasfa: Intipati Ilmu Usul Fiqh

Antara karangan terakhir al-Ghazali sebelum beliau meninggal dunia pada 505 Hijrah. Ia kitab warisan langka membincangkan akar disiplin ilmu Usul Fiqh.

Tidak sekadar membahaskan perkara pokok dalam buku, al-Ghazali juga menjawab fahaman berbeza daripada kelompok selain Ahli Sunnah Wal Jama'ah berkaitan akidah, fiqh serta persoalan falsafah.



Perihal Kesederhanaan Dalam Beriktikad

Sebagai karya penting melanjutkan wacana Ilmu Kalam, ia terkandung jawapan ampuh kerancuan pemikiran berhubung ketuhanan dan intisari agama.

Hujah terhasil daripada tafsir al-Quran dan hadis menerusi beberapa bidang ilmu, seperti mantik, bahasa dan etika perdebatan.



Buku ini menjadi salah satu sukatan pelajaran pengajian Ilmu Kalam, iaitu sebagai karya peringkat pertengahan di beberapa institusi pengajian Islam tradisional.

Penyelamat Daripada Kesesatan

Al-Munqidz min al-Dhalal antara karya al-Ghazali paling banyak dibaca.

Kita mengetahui kehidupan beliau menerusi buku ini. Penulisan Al-Munqidz seolah-olah seperti autobiografi imam besar itu.

Menerusinya, al-Ghazali bercerita perkembangan intelektual dan kerohanian beliau serta mengemukakan hujah pembelaan terhadap tasawuf sebagai jalan ke pengetahuan tertinggi.



Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **HAFIZ OTHMAN**

Hasil kejayaan penganjuran Festival Turath Islami mendorong Kerajaan Selangor melebar program menelaah kitab Islam ke setiap pelusuk negeri.

Bermula dengan Shah Alam sebagai pusat pengajian kitab ilmuan Islam, ia diperluas ke peringkat daerah di negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mahu pembacaan kitab warisan tokoh agama dengan lebih sistematik dan bersilibus.

Pengarah sekretariat festival berkata program pengajian karangan ulama muktabar dengan bertalaqqi sedang disusun. Ia membolehkan pemugaran kefahaman Islam mengakar dan meluas di akar umbi.

"Cadangan daripada Dato' Menteri Besar, kita buat satu program pembacaan kitab lebih sistematik terutama sekali kita cuba mengajar dan memberi pendedahan dalam tiga aspek utama.

"Kita akan bincang lebih mendalam iaitu dari segi akidah, syariah dan tasawuf," kata Ammar Gazali kepada Selangorkini pada 20 Jun.

Tanpa mengkhususkan karya agung tertentu, beliau akan berbincang dengan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan pejabat mufti negeri bagi menentukan naskhah sesuai untuk pengajaran di masjid.

"Dalam tempoh dua atau tiga minggu saya cuba membentuk satu kertas kerja yang sesuai untuk kita bentangkan," kata pegawai dasar di Pejabat Dato' Menteri Besar itu.

Beliau mengakui menerima pelbagai maklum balas dan syor penambahbaikan. Ia termasuk pengajaran kitab karangan ulama hadis dan fiqh Imam an-Nawawi, saranan bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab.

Ammar juga menyuarakan keyakinan mampu menyediakan ramai agamawan dan graduan mahasiswa Timur Tengah yang mahir mengupas kitab-kitab yang mengandungi tiga bidang ilmu itu.

Perbincangan dengan semua pemegang taruh penting akan diadakan sebelum sebarang perubahan termasuk tema dan konsep bagi festival itu pada masa depan.

Dalam perkembangan sama, Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni juga bakal menyambung pembacaan Kitab Ilmu – satu daripada 40 kitab dalam Ihya Ulumuddin antara 3 hingga 7 Julai.

Ammar memberitahu, empat slot pembacaan adiknya Abu Hamid al-Ghazali itu dilangsungkan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, meski ulama pondok Pattani, Thailand itu dikekangi dengan jadual padat di Malaysia.

Sambungan syarahan itu rentetan daripada majlis ilmu sama di kediaman rasmi Dato' Menteri Besar pada 1 Mei sempena prapelancongan festival berkenaan.

Satu lagi acara prapelancongan festival

Membudaya ngaji kitab



diadakan pada 18 Mei iaitu pembacaan dua kitab tauhid al-Tariq Ilallah dan al-Kharidah al-Bahiyyah oleh Prof Dr Ali Jum'ah di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

Hurai Ihya

Festival Turath Islami Selangor diadakan antara 20 hingga 25 Mei bersempena penterjemahan 10 jilid Ihya Ulumuddin kepada bahasa Melayu.

Usaha penerbitan oleh Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE), yang mendapat geran Kerajaan Negeri, dijangka memakan masa tiga tahun.

Festival dianjurkan Kerajaan Selangor bersama beberapa agensi negeri seperti Jais, PPAS dan IBDE.

Berlangsung seminggu, program menentang lapan acara utama merangkumi segmen bersama orang awam, pemimpin, ahli akademik, agamawan serta mahasiswa.

Acara sulung festival dimulai huraian naskhah agung al-Ghazali oleh Prof Dr Ali Jum'ah di Masjid Negeri pada 20 dan 21 Mei.

Tokoh setempat dan antarabangsa seperti Prof Emeritus Datuk Dr Osman Bakar, Dr Said Aqil Siradj, Datuk Dr Muhammad Nur Manuty dan Baba Ghazali Ahmad Al-Fathoni juga mengupas pemikiran Hujjatul Islam dalam Seminar

Penghayatan Ihya Ulumuddin pada 22 Mei.

Hari yang sama, Prof Dr Ali Jum'ah bersama Mufti Selangor Dato' Dr Anhar Opir memimpin acara Majlis Zikir Darul Ehsan.

Bekas Mufti Besar Mesir itu terus berkongsi ilmu dalam acara pada 23 Mei membicारा sama sifat Nabi SAW dan ijazah hadis musalsal. Kemudian beliau menyampaikan amanat dalam Himpunan Ilmuwan Muda Timur Tengah pada 24 Mei di Masjid Negeri.

Daripada lapan acara, tiga acara berlangsung membolehkan jemputan khas iaitu jamuan mahabbah ulama-umara, munaqasyah ilmiah dan muzakarah ulama-umara.

Dalam festival itu, golongan agamawan, pelajar tahfiz dan pencinta ilmu berbondong-bondong menadah karangan al-Ghazali.

Kehadiran pengunjung luar biasa mencerminkan umat dahagakan ilmu dan pencerahan daripada ulama hebat.

Temasya menghimpunkan tokoh ilmuan Islam di bumi Selangor itu digagas selepas Amirudin mengadakan pertemuan dengan mahasiswa Universiti Al-Azhar, Mesir pada 2018.

Mereka mencadangkan kaedah talaqqi, iaitu pengajian agama secara berguru dan berkitab, seperti diamalkan di nusantara. Budaya pengajian berkenaan menjadi latar kepada kejayaan festival turath baru-baru ini.

Sasar hab halal global

Oleh NAZLI IBRAHIM
Foto HAFIZ OTHMAN & FIKRI YUSOF

Pasaran halal global diunjur berkembang kepada RM23.2 trilion menjelang 2030. Di Malaysia, pasaran halal dijangka mencapai nilai RM526.5 bilion dalam tempoh tujuh tahun.

Di Selangor, empat sektor teras industri halal ialah makanan dan minuman, farmaseutikal, kosmetik dan penjagaan peribadi. Dua lagi, fesyen, peralatan perubatan dan pelancongan perubatan.

Enggan mensia-siakan peluang terhidang, Kerajaan Negeri melaksana Pelan Tindakan Halal Selangor (SELHAP) 2020-2030 menerusi Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Sebanyak 10 inisiatif dijalankan iaitu mewujudkan Platform Maklumat Pusat (CIP), Operator Halal Diperakui (AHO), Promosi Halal Selangor, Pembiayaan Halal Selangor, Zon Ekonomi Halal Selangor dan Program Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Selangor.

Inisiatif lain ialah Pembangunan Kapasiti Halal Selangor, Koperasi Halal Selangor, Hab Perniagaan Halal Selangor dan Pangkalan Data Bahan Mentah Halal.

Usaha terbaru itu kesinambungan kejayaan Kerajaan Selangor pimpinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari meletakkan negeri ini sebagai hab halal global.

Realitinya, pencapaian negara dan negeri dalam industri halal memberangsangkan. Sehingga 2022 sebanyak RM16 bilion pelaburan di taman halal termasuk di Selangor dan RM9.5 bilion pelaburan langsung asing (FDI), lapor Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Kewujudan portfolio Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal negeri diketuai Mohd Zawawi Ahmad Mughni, memangkinkan kejayaan Selangor dalam industri halal.



10 PROJEK, PROGRAM DAN INISIATIF UTAMA

Platform Maklumat Berpusat	Pembangunan portal berkaitan industri halal
Zon Ekonomi Halal Selangor	Penempatan produk dan perkhidmatan halal
Pengusaha Halal Berautoriti	Membangunkan ekosistem halal
Koperasi Halal Selangor	Penyediaan barangan dan perkhidmatan untuk mengurangkan kos
Program Dana Halal Selangor	Bantuan kewangan patuh syariah
Pangkalan Data Bahan Halal	Pembangunan pangkalan data bahan halal untuk rujukan
Promosi Halal Selangor	Laksana "Halal Selangor" sebagai pemasaran untuk barangan halal negeri
Program Pembangunan PKS Halal Selangor	Program untuk PKS beralih produk/perkhidmatan
Hab Perniagaan Halal Selangor	Bantuan berasaskan teknologi dan pembangunan meningkatkan mutu pensijilan
Pembangunan Kapasiti Halal Selangor	Program latihan kepakaran profesional dan melatih pekerja di agensi negeri

Sumber Rancangan Selangor Pertama

Antaranya penganjuran Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) yang sudah memasuki tahun kedua.

Tujuan utamanya menyediakan platform ulung dalam industri halal di Asean dan Malaysia bagi meluaskan rangkaian pemasaran.

Penganjuran pertama pada Mac 2022 mencatat transaksi bernilai RM37.73 juta, melebihi jangkauan awal sebanyak RM20 juta.

Padanan perniagaan pada Selhac 2023 pula mencatat transaksi bernilai RM57.4 juta, sekali lagi mengatasi sasaran RM50 juta.

"Sebelum ini (industri halal) di bawah EXCO pelaburan tetapi kita mahu rangkai Majlis Agama Islam Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor sebagai pemegang dasar.

"Kita pernah dijemput ke persidangan antarabangsa dan baru-baru ini ke Kanada untuk berkongsi pengalaman

mengenai halal," kata EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni pada program bual bicara anjuran Media Selangor pada Disember 2020.

Baucar halal

Dalam Belanjawan Selangor 2023, Amirudin memperkenalkan program Baucar Halal dengan peruntukan RM1 juta.

Selain membantu golongan memerlukan, pada masa sama ia mempromosikan produk halal. Seramai 2,800 penduduk pendapatan rendah di 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) menerima baucar halal bernilai RM100.

Kerajaan Negeri juga menubuhkan anak syarikat, HIS Toyyiba Sdn Bhd bagi melaksanakan inisiatif berkaitan halal.

Antaranya menyertai Malaysia International Halal Showcase (MIHAS), Penang International Halal Expo & Conference (PIHEC) dan Selangor International Business Summit (SIBS).

Selain itu, HIS Toyyiba juga aktif menyertai ekspso di luar negara seperti di Thailand, Indonesia dan Australia.

Pada Disember 2021, Kerajaan Negeri melancarkan inisiatif Halal Suri Darul Ehsan (Halal Suri) bagi membantu suri rumah dan ibu tunggal menjana pendapatan dalam bidang makanan sejuk beku.

Seramai 56 peserta menerima bantuan peti sejuk beku daripada Kerajaan Negeri dalam bentuk geran padanan bernilai RM2,000.

Produk terpilih oleh peserta turut mendapat sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Penganjuran inisiatif Halal Suri 2.0 pada Jun 2022 telah berjaya menarik lebih 100 penyertaan.

Kerajaan Negeri turut menganjurkan kursus Penyediaan Makanan Halal (Pelapah).

Kursus ini diadakan bagi mencapai matlamat 'Selangor Cakna Pengurusan dan Pengendalian Halalan Toyyiban'.

Pada siri pertama sebanyak 10 Dewan Undangan Negeri (DUN) terbabit pada Mei hingga Jun 2022.

Berikutan sambutan menggalakkan, siri kedua diadakan di 10 DUN dengan membabitkan 150 peserta dari setiap kawasan sepanjang Jun 2023.



SELESA... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) merasmikan tempat letak kereta bertingkat Taman Tasik Metropolitan Kepong sempena Majlis Temu Mesra Bersama Pemilik Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) di Kepong, Kuala Lumpur pada 23 Jun. Foto BERNAMA

Kurangkan cukai taksiran rumah

SHAH ALAM - Kerajaan memberi pengurangan cukai taksiran 25 peratus mulai penggal kedua tahun 2023 iaitu antara Julai hingga Disember kepada pemilik rumah mampu milik di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan inisiatif melibatkan kos RM2.067 juta disediakan untuk kategori rumah mampu milik yang siap selepas 2014, lapor Bernama.

"Pengurangan ini memberi manfaat kepada 25,677 pemilik rumah mampu milik di Kuala Lumpur," katanya dalam sesi bersama pemilik rumah mampu milik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di sini pada 23 Jun.

Menurut kenyataan, kategori yang layak adalah Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan, Perumahan Rakyat 1Malaysia, Perumahan Penjawat Awam Malaysia dan Residensi Wilayah di Kuala Lumpur.

Perniagaan kecil turut nikmati kemudahan

99 peratus tidak naik tarif elektrik

SHAH ALAM - Pengguna domestik yang menggunakan elektrik pada kadar 1,500 kilowatt-jam (kWj) dan ke bawah untuk sebulan tidak mengalami kenaikan tarif.

Menteri sumber asli, alam sekitar dan perubahan iklim berkata jumlah yang meliputi 99 peratus pengguna di semenanjung tidak terjejas akibat penyelarasan antara 1 Julai hingga 31 Disember.

Nik Nazmi Nik Ahmad menambah perniagaan mikro, kecil dan sederhana termasuk restoran, kedai runcit, bakeri, bengkel kecil, petani, penternak dan pekebun juga tidak mengalami kenaikan.

"Ini bermakna hampir semua pengguna domestik dan pengguna bukan domestik voltan rendah tidak akan terjejas dengan pelarasan tarif elektrik yang terbaharu ini.

"Manakala pengguna bukan domestik voltan tinggi dan sederhana serta kategori baharu utiliti air dan pembentungan akan menikmati penurunan.

"Kerajaan berharap pemberian subsidi ini dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutama dalam tempoh pemulihan ekonomi," katanya pada sidang media pada 23 Jun.

Nik Nazmi menjelaskan hanya

83,000 pengguna meliputi satu peratus pengguna domestik mengalami kenaikan bil bulanan minimum RM187 bersamaan pertambahan 25 peratus.

Beliau berkata pengguna domestik yang penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj atau bersamaan bil elektrik minimum RM708 sebulan dikenakan surcuj pada kadar 10 sen/kWj.

"Walaupun berlaku kenaikan bagi pengguna domestik kategori ini, kerajaan masih menanggung subsidi sebanyak RM58 juta khas untuk kategori ini.

"Pengguna boleh melihat jumlah subsidi yang diberi oleh kerajaan dalam bil elektrik bulanan masing-masing," katanya.

Rakan Muda pupuk benci rasuah

SHAH ALAM - Program Rakan Muda yang diberi nafas baharu bertujuan melahirkan generasi bercita-cita murni dan memiliki nilai kemanusiaan tinggi.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata inisiatif itu mempersiapkan generasi dengan nilai persaudaraan yang menolak gejala rasuah dan hipokrit, lapor Bernama.

"Ia persiapan satu generasi punyai nilai insan yang hormat satu sama lain, senang dengan kebaikan, persaudaraan, teknologi baharu, benci

dengan rasuah dan hipokrit serta benci dengan orang menghina kaum lain," katanya.

Beliau berucap dalam pelancaran Rakan Muda yang dihadiri lebih 1,000 belia di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 25 Jun. Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh dan Timbalannya Adam Adli Abd Halim.

Memberi jaminan untuk menyokong pembangunan anak muda, Anwar mengingatkan mereka supaya tidak berpemikiran lapuk dan jumud atau terlibat dalam kegiatan yang me-

mecah belah perpaduan.

"Kita ada pasukan di kementerian yang saya percaya boleh menjadi jurubicara anak-anak muda, program mereka, keprihatinan mereka termasuk penjawat awam, menjurus ke arah itu (menyokong pembangunan belia).

"Saya minta saudara peka dalam dunia mencabar ini, dalam dunia media sosial yang menggugat anak-anak dalam membuat pilihan baik kerana satu kesilapan oleh satu generasi akan menghukum negara ke lembah kehinaan," katanya.

Lapan juta nikmati sumbangan tunai

SHAH ALAM - Lebih lapan juta rakyat berpendapatan rendah (B40) bakal menerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) fasa tiga secara berperingkat mulai 26 Jun.

Menurut Kementerian Kewangan, bayaran tersebut dipercepat dan disalurkan sebelum sambutan Aidiladha seperti yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, lapor Astro Awani.

Penerima akan diberi antara RM100 hingga RM1,300 berdasarkan kelayakan masing-masing yang dijangka selesai diagih pada 5 Julai melalui peruntukan lebih RM2 bilion.

"Penerima yang tiada akaun bank boleh menuntut bayaran tunai melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) pada 26 Jun," menurut kenyataan pada 22 Jun.

Fasa pertama dan kedua STR disalurkan pada Januari dan April lalu, dengan dana keseluruhan bagi ketiga-tiga sumbangan berjumlah RM5 bilion bagi tahun 2023.

Belia boleh menuntut bantuan RM200

SHAH ALAM - Bantuan RM200 dikredit ke akaun belia berusia antara 18 hingga 20 tahun dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) mulai 26 Jun.

Justeru, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta penerima memanfaatkan bantuan menerusi inisiatif eBeliaRahmah untuk pembelajaran dan keperluan masing-masing.

"Program eBeliaRahmah diluncurkan hari ini dan anak-anak muda serta mahasiswa yang layak boleh mendaftar untuk menerima kredit RM200 melalui pelbagai platform e-dompet," katanya.

Pada 21 Jun, Anwar memaklumkan belia boleh membuat tuntutan menerusi Boost, Setel atau Touch 'n Go eWallet sehingga 22 Ogos depan.

Tambah dana baik pulih PPR

PETALING JAYA - Peruntukan tambahan RM746,000 disediakan bagi proses penggantian susur tangan (handrail) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 di sini.

Timbalan menteri pembangunan kerajaan tempatan menjelaskan dana itu tambahan kepada RM1.063 juta untuk baik pulih dan senggara kerosakan dua unit terbakar, pendawaian elektrik dan lif.

"Keseluruhannya di PPR Lembah Subang 1, kita peruntuk RM30 juta sejak kementerian ambil alih pengurusan pada 2017," kata Akmal Nasrullah Mohd Nasir pada 23 Jun.

Beliau juga mencadangkan penubuhan badan bertindak penduduk yang diuruskan ahli parlimen dan ahli dewan negeri bagi memudahkan urusan kebajikan dan keperluan penduduk setempat.

Menang 50 kerusi boleh dicapai

SHAH ALAM - Sasaran untuk memenangi sekurang-kurangnya 50 atau dua pertiga jumlah kerusi Dewan Negeri Selangor dalam pilihan raya negeri akan datang mampu dicapai.

Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) negeri Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia bersandarkan gabungan sokongan pengundi daripada HARAPAN dan Barisan Nasional (BN), lapor Bernama.

"Inilah masa kita untuk meyakinkan akar umbi kedua-dua pihak untuk bekerjasama dan memastikan kemenangan gabungan luar biasa untuk menjamin kestabilan serta kemakmuran," katanya

Beliau yang juga Dato' Menteri Besar ditemui selepas menunaikan solat Jumaat bersama Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Masjid Bandar Tun Hussein Onn, Cheras pada 23 Jun.

Amirudin menjawab pandangan pemerhati politik serta pembangkang yang meragui sasaran untuk menang 50 daripada 56 kerusi DUN di Selangor.

Tampil calon boleh menang

KLANG - Calon berwibawa dan boleh menang diketengah dalam pilihan raya negeri (PRN) Selangor, kata Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) negeri Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau yang juga Dato' Menteri Besar berkata formula pemilihan itu juga berasaskan pembahagian kerusi dengan Barisan Nasional (BN) yang bergabung bawah Kerajaan Perpaduan.

"Sudah pasti kita akan letakkan (calon boleh menang). Sebab pilihan raya kita hendak menang. Kita datang

sebagai penyandang dan ada rekod pencapaian tadbir negeri," katanya.

Beliau berucap ketika melancarkan Jentera Perpaduan HARAPAN dan Barisan Nasional peringkat Dewan Undangan Negeri Sungai Kandis di Tapak Rakan Muda Sri Andalas pada 26 Jun.

Amirudin juga menjelaskan pembahagian kerusi antara HARAPAN dan BN dijangka selesai selepas sambutan Aidiladha yang akan diputuskan pemimpin tertinggi kedua-dua

gabungan tersebut.

"Hanya berbaki satu atau dua kerusi lagi. Saya harap sebaik lepas raya haji ini kita sudah selesaikan agihan kerusi," katanya.

Pada 23 Jun Dewan Negeri Selangor (DNS) bagi penggal ke-14 secara rasminya dibubarkan bagi memberi laluan kepada PRN untuk diadakan.

Selangor antara enam negeri yang bakal melangsungkan PRN selain Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Patuh titah Sultan Selangor

Jaga sensitiviti agama, kaum

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Semua pihak perlu mematuhi titah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor supaya tidak menyentuh sensitiviti agama dan kaum dalam pilihan raya negeri (PRN).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengingatkan peringatan tersebut turut terpakai kepada pemimpin Perikatan Nasional (PN) yang dilihat giat memainkan sentimen tersebut.

"Itu tradisi mereka (pembangkang), mereka bukannya faham pun. Sultan Selangor, Terengganu, malah Yang di-Pertuan Agong bertitah supaya tidak guna isu sensitif agama dan kaum ketika berkempen.

"Saya harap ia tidak berlanjutan dan jadi permainan di Selangor," katanya ketika ditemui pemberita selepas program perhimpunan bulanan bersama penjawat awam di sini pada 23 Jun.

Amirudin mengulas kenyataan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasu-

tion Ismail yang mendakwa PAS, salah satu komponen PN, banyak menyentuh sensitiviti kaum, agama dan institusi diraja.

Pada 19 Jun, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj mengingatkan calon dan penyokong parti politik dalam PRN Selangor supaya tidak menggunakan isu agama dan kaum sepanjang berkempen.

Baginda juga mengingatkan kelompok berkenaan supaya tidak memainkan isu sensitif yang boleh merosakkan keharmonian dan perpaduan rakyat di negeri ini.

Lebih banyak bantuan untuk rakyat

SHAH ALAM - Pentadbiran Dato' Menteri Besar Dato' Amirudin Shari lebih banyak menyediakan skim bantuan kepada rakyat berbanding zaman Dato' Seri Mohamed Azmin Ali memimpin Selangor.

Setiausaha Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Kota Raja Danish Hairudin berkata Amirudin juga terpaksa mem-

bersihkan segala kelemahan Azmin bagi memastikan sosioekonomi negeri berdaya tahan.

Beliau menambah lebih 40 inisiatif disediakan pentadbiran Amirudin melalui program Iltizam Selangor Pennyayang untuk golongan berpendapatan rendah (B40), dari lahir hingga usia emas.

"Ketika Azmin memimpin Selangor,

tidak banyak skim bantuan sosial yang dilakukan manakala rizab negeri pula kurang baik.

"Amirudin merupakan ketua Kerajaan Negeri yang jauh lebih berkeupayaan mentadbir negeri berbanding Azmin," kata timbalan pengarah komunikasi KEADILAN itu dalam kenyataan pada 25 Jun.

Pilihan raya negeri Selangor

PILIHAN ANDA

PILIHAN TERBAIK

demi kemajuan ekonomi

demi perpaduan rakyat

demi kesejahteraan bersama





Ramli menerima plak penghargaan daripada Parmjit sempena Anugerah PC.com ke-23 di Petaling Jaya pada 22 Jun. Foto REMY ARIFIN

Aplikasi aduan i-Clean diiktiraf

SUBANG JAYA - Aplikasi aduan pembuangan sampah, i-Clean Selangor yang dibangunkan KDEB Waste Management (KDEBWM) dinobatkan Aplikasi Perkhidmatan Awam Terbaik.

Anugerah PC.com ke-23 anjuran Syarikat Media Reach Publishing disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif Asia Pacific Institute of IT Datuk Parmjit Singh pada 22 Jun.

Pengarah Urusan KDEBWM berkata aplikasi yang diwujudkan sejak 2016 memudahkan orang ramai menghantar aduan sekali gus meningkatkan kecakapan pengurusan sisa pepejal dan sampah.

Dato' Ramli Mohd Tahir menambah KDEBWM berusaha menyelesaikan setiap aduan yang diterima aplikasi pintar tersebut dalam tempoh 24 jam.

Hapus tempat pembiakan nyamuk

Kerjasama kawal kes denggi

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

PETALING JAYA - Semua pihak digesa bekerjasama bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes untuk mengawal kes denggi, kata EXCO kesihatan awam.

Dr Siti Mariah Mahmud berkata usaha mencegah tidak terletak kepada Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) semata-mata sebaliknya memerlukan penglibatan masyarakat.

"Kawasan paling mudah menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes adalah lorong di belakang kediaman

yang mempunyai banyak tempat menakung air, kereta terbiar, dan rumah kosong.

"Masyarakat perlu beri kerjasama, ubah sikap dan pemikiran kumpul barang banyak-banyak di kediaman kerana bila hujan datang, takungan air juga boleh mendatangkan pembiakan Aedes.

"PBT perlu tingkatkan kesedaran masyarakat termasuk kanak-kanak, beritahu mereka tempat pembiakan aedes dengan melakukan pemeriksaan," katanya.

Terdahulu, beliau menyampaikan ucap terna Seminar Mengenai Pengurusan Pengawasan dan Pencegahan

Demam Denggi di Negeri Selangor di sini pada 20 Jun.

Dr Siti Mariah turut meminta PBT bertindak lebih tegas melalui penguatkuasaan undang-undang terhadap pihak yang tidak menjaga kebersihan premis.

"Tumpuan harus diberikan kepada kawasan rumah yang lama ditinggalkan, kebun komuniti yang tidak berdaftar dan ubah suai rumah yang meningkatkan risiko tempat takungan Aedes.

"Tindakan awal diperlukan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)," katanya.

RM20,000 bina pusat kitar semula

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) memperuntuk RM20,000 bagi membina pusat kitar semula di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Baru Hicom di sini.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir berkata pusat kitar semula berkonsep 'drop off' itu bertujuan menggalakkan penduduk mengasingkan sampah dengan terurus.

Menurutnya, berdasarkan kajian, kekurangan kemudahan tersebut antara faktor amalan kitar semula tidak dapat dilaksanakan dalam kalangan

penduduk.

"Dengan adanya pusat kitar semula yang mudah dan efektif ini, diharapkan penduduk di sini boleh mula mengumpul dan mengasingkan mana-mana sampah yang boleh dikitar semula.

"Sejak pusat kitar semula ini beroperasi 1 April, hampir 400 kilogram bahan dikumpul. Sampah paling tinggi adalah plastik diikuti kertas, kotak dan aluminium," katanya pada 19 Jun.

Terdahulu, beliau menghadiri perasmian Pusat Kitar Semula PPR Kam-

pung Baru Hicom yang disempurnakan EXCO Kesejahteraan Bandar Rodziah Ismail di sini.

Ramli menjelaskan kewujudan pusat kitar semula itu juga merupakan salah satu inisiatif bagi mencapai sasaran 15 peratus kadar kitar semula di Selangor menjelang 2025.

Pengoperasian pusat kitar semula berkenaan merupakan kerjasama julung kali diadakan bersama Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor melalui anak syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd.

Agih RM3,000 untuk skuad keselamatan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengagih sumbangan RM3,000 kepada 132 Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) sebagai galakan kepada inisiatif tersebut.

Datuk Bandar Petaling Mohamad Azhan Md Amir berkata bantuan bernilai RM396,000 itu diserahkan kepada mereka dalam Majlis Penyampaian Sumbangan PKKPJ 2023 pada 16 Jun.

"Kita harap pemberian sumbangan ini akan menggalakkan penubuhan lebih banyak PKKPJ di kawasan kejiranan di Petaling Jaya," katanya.

Beliau menambah PKKPJ merupakan program keselamatan yang bertujuan mewujudkan suasana kejiranan setempat yang selamat dengan penglibatan persatuan dan badan pengurusan penduduk.

MBPJ pihak berkuasa tempatan pertama yang mewujudkan program keselamatan sedemikian.

Selesai 36,800 aduan sampah

SHAH ALAM - Aplikasi aduan pembuangan sampah dalam talian yang dibangunkan KDEB Waste Management (KDEBWM) merekod kira-kira 100,000 pengguna aktif sejak kemudahan itu beroperasi.

Penolong pengurus besar Komunikasi Korporatnya berkata i-Clean Selangor mencatat peningkatan penyelesaian aduan lebih 36,800 kes pada 2022 berbanding 30,949 kes pada 2021.

Jelas Mahfuzah Muhammad Tarmidi, statistik terkini setakat 30 Mei menunjukkan KDEBWM menyelesaikan 14,718 aduan berkaitan kutipan sisa pepejal.

"Penyelesaian kes membabitkan skop perkhidmatan kutipan domestik dan pembersihan awam di 12 kawasan," katanya.

Agih fidyah buat 560 keluarga

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) mengagih peruntukan fidyah RM82,880 kepada 560 keluarga yang layak di lima daerah di negeri ini.

Sumbangan dalam bentuk makanan asas bernilai RM148 kepada setiap keluarga diserahkan di Petaling, Klang, Gombak, Sabak Bernam dan Kuala Selangor pada 16 Jun.

Agihan melibatkan kerjasama 12 rakan strategik antaranya Masjid Ar-Rahman Klang dan Madrasah Irsyadul Quran Subang Jaya.

Guru perlu sedia hadapi perubahan

SHAH ALAM - Semua guru di negeri ini perlu sedia mendepani perubahan semasa dunia pendidikan yang kian mencabar.

Mengakui pelajar lebih mudah menerima perubahan semasa, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengingatkan masyarakat guru juga harus seiring bagi mengelak ketinggalan.

"Guru harus menggunakan perubahan yang berlaku termasuk daripada segi alatan mengajar, komunikasi, per-

hubungan dan perkembangan kebudayaan.

"Kalau berpisah guru dan murid daripada aspek tersebut, ia akan menjarakkan lagi (jurang) antara mereka sekali gus menyukarkan proses pembelajaran.

"Justeru, adaptasi terhadap perubahan itu penting kepada guru," kata beliau lagi dalam majlis penghargaan guru Sekolah Berasrama Penuh Integriti (SBPI) Gombak di sini pada 21 Jun.

Katanya, Selangor ada ekosistem pendidikan hampir lengkap daripada peringkat rendah hingga pendidikan ketiga, sama ada Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) atau universiti awam.

Amirudin berkata tumpuan juga diberi kepada pendidikan untuk anak kurang upaya (OKU) meliputi autisme dan sindrom down dengan menambatkan lagi bilangan prasekolah pada masa depan.

Perkenal subjek baharu

SHAH ALAM - Mata pelajaran matematik tambahan akan diperkenal dalam modul Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) kepada pelajar tingkatan lima aliran sains pada tahun ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pengenalan subjek elektif melalui kelas fizikal mulai Ogos menjadikan enam mata pelajaran ditawarkan dalam program percuma berkenaan.

"Sebelum ini, kita tawar mata pelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik, sains dan sejarah kerana niat asal untuk bantu pelajar menguasai (mata pelajaran teras).

"Kita tambah subjek matematik tambahan kerana dirasakan mencabar jika tiada kelas tambahan dan biasanya akan beri kesan (kepada keputusan peperiksaan)," katanya di sini pada 18 Jun.

Ditemui selepas melancarkan Tekad Pendidikan Kita Selangor, beliau berkata PTRS memanfaatkan hampir 65,000 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) meliputi 272 sekolah menengah tahun ini.

Gembira ramai lepasan SPM yang menyertai program itu mencapai keputusan cemerlang, Amirudin berkata pelajar diberi makanan tengah hari sebelum mengikuti pembelajaran.

"Saya tidak nafikan ada juga pelajar cemerlang dapat 7A ke atas hasil daripada PTRS," katanya.

Kerajaan Selangor memperuntuk RM7 juta untuk menjayakan PTRS tahun lalu bagi memantapkan pengisian portal <http://ePTRS.my> dan mengukuhkan kemahiran guru.

Program itu diperkenal secara dalam talian bagi membantu pelajar ketika negara dilanda pandemik Covid-19.

RM20,000 baiki atap

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyalur bantuan segera RM20,000 kepada Sekolah Kebangsaan Morib untuk membaiki bumbung yang rosak akibat ribut baru-baru ini.

Ketua Tanggungjawab Sosial dan Korporat Komunikasinya Ahmad Azri Zainal Nor berkata sekolah tersebut antara yang terjejas teruk selepas dilanda bencana berkenaan.

"MBI meluluskan sumbangan RM20,000 untuk membaiki bumbung sekolah ini," katanya di Facebook pada 19 Jun. Beliau turut melawat sekolah itu bersama wakil

rakyat Morib Hasnul Baharuddin.

Sumbangan tersebut disampaikan Ahmad Azri kepada wakil Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) sekolah berkenaan dan disaksikan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek pada 19 Jun.

Ahmad Azri juga memaklumkan menteri pendidikan berkenaan juga mengumumkan peruntukan RM150,000 bagi membaiki pulih prasarana sekolah berkenaan.

"Tambahan RM20,000 sumbangan Jabatan Pendidikan Negeri seperti yang dimaklumkan Dr Jafri Abu, pengarah pendidikan negeri," katanya.

Sedia modul zakat

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyeru jabatan agama Islam di negara ini menyediakan modul pendidikan zakat untuk sesi kuliah agama di masjid dan surau.

Ketua Bahagian Syariah dan Dakwah LZS Salehuddin Abu Samah berkata agensi zakat dan jabatan agama harus bekerjasama untuk terus mendidik umat Islam.

"Perlu ada satu slot untuk pendi-

dikan zakat di masjid atau surau. Sebagai contoh, letak slot sekali setiap minggu pada kuliah subuh," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri program Muzakarah Zakat Nusantara 2023 di Hotel Concorde di sini pada 20 Jun.

Program julung kali dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu menghimpunkan kira-kira 150 perwakilan dari lima negara Asia Tenggara.



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-butir pendaftaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Taklimat Tender	Waktu & Tarikh Tutup	Pembelian Dokumen
KERJA-KERJA MENGECAT SEMULA EMPAT (4) BLOK BANGUNAN LIMA (5) TINGKAT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAWAH PROJEK SKIM CERIA DI BLOK A, B, C DAN D, PANGSAPURI SERI DAHLIA, JALAN SERI PUTRA 4, BANDAR SERI PUTRA 43000 KAJANG, SELANGOR. No. Tender: LPHS/T/K/23/08 No. Fail: LPHS.UPA. 400-5/10/31	Kontraktor di Negeri Selangor Dan Berdaftar dengan CIDB Gred: G3 Kategori: B Pengkhususan: B14 (Kerja-Kerja Cat) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM150.00 Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor (Dokumen hanya akan dijual kepada syarikat yang hadir Lawatan Tapak)	Tarikh: Selasa 04 Julai 2023 Masa: 11.00 Pagi Tempat: Pejabat Pengurusan, Blok A, Pangsapuri Seri Dahlia, Jalan Seri Putra 4, Bandar Seri Putra, Kajang Kehadiran Taklimat adalah Wajib (Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)	27 Julai 2023 (Khamis) Jam 12.00 tengah hari	Bermula 05 Julai 2023 sehingga 26 Julai 2023

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada 28 Jun 2023 (Rabu) pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **016 - 330 1330 (Unit Perolehan Dan Aset)**.

Dokumen Tender **hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>.**

Lawatan Tapak hanya boleh dihadiri oleh **penama yang dinamakan** di dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja**. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah **membawa dokumen asal Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut** semasa membeli dokumen Tender. **SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT.**

Dokumen Tender hendaklah diserahkan secara **Hardcopy** yang telah lengkap diisi **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti waktu dan tarikh yang ditetapkan diatas kepada:**

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM
Selangor Darul Ehsan

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Tender.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah tertakluk kepada arahan-arahan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari masa ke semasa.

Kenyataan Tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor iaitu <http://lphs.selangor.gov.my> dan Sistem Tender Selangor <https://tender.selangor.gov.my>.

Tarikh: 28 Jun 2023



SEDIA... Peserta menunggu pelepasan Selangor International Race 2023 di depan ibu pejabat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Shah Alam pada 25 Jun. Foto MOHD YUSNI ARIFFIN

Dua regu negara cemerlang

Menang berganda Terbuka Taiwan

SHAH ALAM - Dua regu negara berjaya menjuarai Terbuka Taiwan selepas menewaskan pasangan tuan rumah dalam perlawanan akhir di Arena Tian-Mu pada 25 Jun.

Beregu campuran negara Chen Tang Jie-Toh Ee Wei memulakan detik cemerlang itu menewaskan gandingan Chiu Hsiang Chieh-Lin Xiao Min 21-12, 21-8 dalam tempoh 30 minit, lapor Berita Harian.

Kejuaraan ketiga pasangan berkepercayaan musim ini turut menamatkan penantian hampir 19 tahun negara

meraih kejayaan regu campuran selepas kali terakhir diraih gandingan Koo Kien Keat-Wong Pei Tty.

Kemenangan pertama ke atas lawan yang menduduki ranking ke-50 dunia itu melayakkan mereka membawa pulang hadiah wang tunai AS\$16,590 (RM77,583).

Satu lagi kejuaraan diraih gandingan lelaki Man Wei Chong-Tee Kai Wun yang berjaya bangkit menewaskan Lu Ching Yao-Yang Po Han 20-22, 21-17, 21-14.

Kejayaan itu membolehkan mereka

meraih kejuaraan sulung musim ini dan membawa pulang hadiah wang tunai AS\$16,590 (RM77,583).

Tahun lalu, Wei Chong-Kai Wun dinobatkan sebagai juara Terbuka Taiwan buat kali pertama selepas mengejutkan pemenang pingat emas Sukan Olimpik Tokyo 2020, Lee Yang-Wang Chi Lin di pentas akhir.

Sebelum ini, Wei Chong-Kai Wun terlepas peluang menjuarai Masters Malaysia selepas tewas kepada gandingan Korea Selatan Kang Min Hyuk-Seo Seung Jae 15-21, 24-22, 19-21.

Khairul Idham kekal kuasai ARRC

SHAH ALAM - Jaguh lumba motosikal negara Khairul Idham Pawi terus mengukuhkan cengkaman di puncak kelas SuperSports 600cc Kejuaraan Motosikal Asia (ARRC) selepas menjuarai perlumbaan kedua di Litar Antarabangsa Sugo, Jepun pada 25 Jun.

Pelumba Boon Siew Honda Racing Team itu melintasi garisan penamat dengan catatan 22 minit 59.568 saat walaupun berada di kedudukan ke-13 dalam perlumbaan pertama pusingan ketiga sehari sebelumnya, lapor Berita Harian.

"Bermula dari petak ke-10 bukan mudah tetapi saya cuba merapatkan jurang di depan secara satu demi satu. Apa yang penting, saya sedar yang saya tidak boleh melakukan sebarang kesilapan.

"Saya hanya fokus terhadap perlumbaan di depan dan ia berhasil. Pada pusingan kedua perlumbaan, saya di belakang Keito (Abe) dan saya tahu dia sangat kuat di laman sendiri.

"Pada pusingan terakhir, di selekoh terakhir ia sangat sengit dan saya terus memecut bagi memastikan saya

terlebih dahulu sampai ke garisan penamat berbanding dia," katanya.

Kemenangan itu meletakkan Super KIP di kedudukan selesa mengumpul 118 mata menjelang perlumbaan pusingan empat di Litar Antarabangsa Mandalika, Indonesia dari 11 hingga 13 Ogos.

Pelumba berusia 24 tahun dipisahkan 27 mata dengan pelumba pasukan ONEXOX TKKR Racing Team Keito Abe (kedua) manakala pelumba Honda Racing Thailand Nakarin Atiratphuvapat ketiga mengumpul 90 mata.

Azizulhasni lonjak kedudukan dunia

SHAH ALAM - Jaguh berbasikal trek negara Datuk Mohd Azizulhasni Awang melonjak ke kedudukan ketiga dunia acara keirin dan keenam acara pecut.

Kedudukan terbaharu Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) menyaksikan 'The Pocket Rocketman' naik daripada kedudukan ke-10 acara keirin di belakang juara dunia dari Belanda Harrie Lavreysen dan pelumba Australia Matthew Richardson kedua.

Bagi acara pecut, pelumba kelahiran Terengganu itu melonjak daripada kedudukan ke-19 di belakang pelumba Jepun, Kaiya Ota di kedudukan keempat dan pelumba Israel Mikhail Yakovlev (kelima).

Lavreysen kekal mendahului acara pecut diikuti Richardson (Australia) di tempat kedua dan Mateusz Rudyk (Poland) ketiga.

Kemenangan sulung Kasma Daniel

SHAH ALAM - Kasma Daniel Kasmayudin berjaya meraih kemenangan sulung dalam kelas ASB1000cc Kejuaraan Motosikal Asia (ARRC) 2023 di Litar Antarabangsa Sugo, Jepun pada 24 Jun.

Pada perlumbaan pertama pusingan 3, beliau mencatat 29 minit 37.392 saat, mengatasi pelumba ONEXOX BMW TKKR Markus Reiterberger (kedua) dan penunggang Team GYTR Keisuke Maeda ketiga.

"Pada awal perlumbaan, saya tidak berasa yakin tetapi saya sentiasa memberikan tumpuan kepada kelompok depan. Kemudian saya sedar yang saya mempunyai potensi untuk ke depan, jadi saya cuba merapatkan jurang dari satu pusingan ke satu pusingan.

"Strategi saya berhasil dan saya bersyukur dengan kemenangan pertama musim ini," katanya seperti dilapor Berita Harian.

Teliti e-sukan peringkat sekolah

SHAH ALAM - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang memperhalusi cadangan memperkenalkan sukan elektronik (e-sukan) sebagai antara aktiviti sukan di peringkat sekolah.

Menterinya Hannah Yeoh berkata perkara itu masih di peringkat awal dengan mengambil kira keperluan serta potensi ia dapat dikembangkan di premis pendidikan tersebut, lapor Bernama.

"Saya faham dengan adanya e-sukan digazetkan sebagai antara 103 sukan sudah tentu akan ada perbincangan di peringkat akar umbi untuk wujudkan pertandingan kecil membabitkan sukan itu di sekolah.

"Penyenaraian e-sukan sebagai satu sukan merupakan pengiktirafan penting. Namun kita tak boleh pastikan sukan ini boleh masuk di semua sekolah kerana bukan semua sekolah merupakan juara dalam e-sukan," katanya pada 20 Jun.



RODZIAH ISMAIL

Batu Tiga

menyerahkan sumbangan SMUE di pusat Wanita Berdaya, Shah Alam



SAARI SUNGIB

Hulu Kelang

menyampaikan hadiah kejohanan badminton di AU5 Lembah Keramat, Ampang Jaya



EAN YONG HIAN WAH

Seri Kembangan

melihat pemasangan penghadang di pasar pagi Kampung Baru Seri Kembangan, Subang Jaya



DATUK ROSNI SOHAR

Hulu Bernam

melawat lokasi Jelajah Ehsan Rahmah di Kalumpang, Hulu Selangor



JUWAIRIYA ZULKIFLI

Bukit Melawati

beramah-mesra bersama penunggang p-panggilan di Bandar Melawati, Kuala Selangor



MAZWAN JOHAR

Sungai Ramal

meninjau saringan keperluan pendidikan khas anak istimewa di Kajang



MICHELLE NG MEI SZE

Subang Jaya

memantau kerja pembinaan kolam tadahan bah di Jalan Industri USJ 1, Subang Jaya



SYAMSUL FIRDAUS

Taman Medan

meneliti aduan JMB Pangsapuri PKNS Taman Dato' Harun, Petaling Jaya

RM50,000 ganti perabot usang

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Meru menghulur sumbangan RM50,000 bagi menggantikan meja dan perabot usang bilik guru Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Klang pada 19 Jun.

Penyandang DUN itu Mohd Fakhurulrazi Mokhtar menjelaskan bantuan berkenaan sebahagian peruntukan



bawah Projek Selangor Penyayang (PSP) 2023.

"Walaupun fokus peruntukan itu sebenarnya lebih kepada pembaikan kemudahan seperti penurapan jalan, longkang atau padang tetapi keselesaan guru dan pelajar juga penting," katanya.

Beliau menambah sumbangan turut diberikan kepada beberapa sekolah

sekitar DUN Meru antaranya Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Sungai Binjai.

"Serahan sumbangan ini juga tidak hanya melalui permohonan pengurusan sekolah itu sendiri, bahkan kami di DUN Meru sendiri turun padang melihat keadaan sekolah yang memerlukan.

"Saya pasti Kerajaan Negeri tidak akan pernah mengabaikan keperluan sekolah-sekolah ini," kata beliau lagi.

Terputus akibat banjir

RM800,000 kos baik pulih jalan

Oleh **NAS NORZIELA NASBAH**

SHAH ALAM - Kerosakan Jalan Lorong Mawar 6 Kampung Bestari Jaya, Kuala Selangor akibat banjir pada Januari tahun lalu mendapat perhatian penyandang Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang.

Rozana Zainal Abidin berkata pembaikan jalan itu menggunakan peruntukan lebih RM800,000 berikutan laluan

itu rosak teruk dan tidak boleh dilalui menyebabkan urusan penduduk terjejas.

Katanya, kos itu meliputi pembersihan tapak, membina gabion mattress dan dinding gabion selain pemasangan geotekstil tenunan, pembinaan struktur, longkang serta mengecat garisan jalan.

"Dengan projek baik pulih ini, laluan



utama penduduk di Bestari Jaya dapat digunakan kembali dan memudahkan urusan mereka yang sebelum ini terjejas," katanya pada 20 Jun.

Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Selangor diamanahkan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor untuk melaksanakan segera projek melalui syarikat konsensi negeri Kumpulan Semesta Sdn Bhd.

Agih 14 ternakan korban ikut giliran

KLANG - Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelabuhan Klang menerima empat lembu dan 10 kambing sempena Aidiladha tahun ini.

Penyandanginya Azmizam Zaman Huri berkata ternakan sumbangan Kerajaan Selangor diagih kepada masjid serta surau terpilih mengikut sistem penggiliran.

"Kita kenal pasti masjid dan surau yang layak untuk ibadah korban. Jika



masjid atau surau di kampung A sudah dapat tahun lepas, tahun ini giliran masjid atau surau di kampung lain pula.

"Kita mahu semua orang dapat merasa sebab lembu dan kambing yang diperoleh tidak banyak," katanya pada 23 Jun.

Beliau juga memaklumkan ada pihak yang bermurah hati menyumbang lembu untuk diagih kepada masjid dan surau di kawasan berkenaan.

"Kita juga akan kenal pasti mana-ma-

na masjid atau surau untuk terima sumbangan ini. Keutamaan kepada institusi ibadah yang masih kurang keperluan itu," katanya.

Dana RM6 juta diperuntuk bagi sumbangan ibadah korban tahun ini, meningkat berbanding tahun lepas berikutan peningkatan harga lembu daripada RM5,400 kepada RM6,000.

Selain itu, pertambahan jumlah lembu korban daripada 660 ekor kepada 700 dan jumlah kambing kekal 1,000 ekor.

RM21,000 baiki sekolah tahfiz

SHAH ALAM - Dana RM21,000 disalurkan kepada Sekolah Tahfiz Addimiyati Kampung Assam Jawa di Kuala Selangor selepas salah satu bangunan sekolah tersebut rosak akibat kebakaran.

Penyandang Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Melawati Juwairiya Zulkifli berkata sumbangan RM20,000 dibuat melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dan RM1,000 daripada pihaknya.

"Menziarahi asrama putri di Sekolah Tahfiz Addimiyati Kampung Assam Jawa. Kebakaran berlaku pada 4 pagi (18 Jun) dan kebakaran berjaya dikawal oleh pihak bomba Kuala Selangor.

"Seramai 14 orang pelajar mendiami asrama ini selamat dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan," katanya di Facebook pada 19 Jun.

RM62,300 naik taraf kemudahan

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kampung Tunku berbelanja RM62,300 bagi menaik taraf beberapa prasarana daif di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Sea.

Penyandanginya Lim Yi Wei berkata dana tersebut sebahagian peruntukan Projek Selangor Penyayang untuk membaiki paip dan saluran bumbung serta pengalisan air (waterproofing).

Katanya, prasarana yang turut dinaik taraf ialah tandas, penggantian bumbung asbestos dan pemasangan pam air tugas berat serta tangki bagi menyalur bekalan air ke tandas dan makmal sains.

Justeru, beliau berharap pelajar dan guru lebih bersemangat meneruskan pembelajaran selepas kerja naik taraf tersebut selesai dijalankan.

Dana RM400,000 bina dewan

SHAH ALAM - Penyandang Dewan Undangan Negeri (DUN) Rawang memperuntuk RM400,000 bagi membina sebuah dewan terbuka di Kampung Sungai Bakau yang dijadual bermula Ogos.

Chua Wei Kiat berkata lebih 100,000 penduduk termasuk tiga perumahan berdekatan bakal menikmati kemudahan berkenaan hasil peruntukan bawah Projek Selangor Penyayang (PSP).

"Pembinaan dijadual bermula Ogos nanti, kita akan turun melawat tapak lokasi cadangan dan dewan ini juga bakal dilengkapi dengan gelanggang bola keranjang serta kemudahan asas lain.

"Cadangan membina dewan ini disebabkan kekurangan kemudahan berkaitan di kawasan tersebut, ia turut dimanfaatkan penduduk berhampiran seperti Country Home, Saujana Rawang dan Kota Emerald," katanya pada 21 Jun.

AHLI DEWAN NEGERI SABAK

AHMAD MUSTAIN OTHMAN

● **Umur:**
55 tahun

● **Falsafah hidup**
Berani kerana benar

● **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**
Guru

● **Alamat pejabat ADN:**
Balai Rakyat Taman Berjaya,
Jalan Rajawali, 45200
Sabak Bernam

● **Nombor telefon ADN:**
03-3216 1052

● **E-mel:**
pejabatdunn02@gmail.com

● **Facebook:**
Ahmad Mustain Othman , ADUN Sabak



Jualan murah diteruskan
hingga Disember **2**

Hormati peranan
penjawat awam **2**

LPHS sedia 7,000 surat
tawaran rumah **7**

Aplikasi aduan
i-Clean diiktiraf **19**

selangorkini

Idham Pawi kuasai
ARRC 2023 **21**

Tiket konsert muzikal RM30

SHAH ALAM - Peminat orkestra muzik klasik berpeluang menonton konsert A Celebration of Classical Music Lambang Sari Series 2023 di Istana Budaya pada harga tiket serendah RM30.

Ketua Pengarah Istana Budaya Zubaidah Mukhtar berkata harga istimewa itu diharap dapat menarik lebih ramai penonton daripada pelbagai lapisan masyarakat, lapor Bernama.

"Kita juga mahu memenuhi hasrat kerajaan yang mahu rakyat menikmati tiket dengan harga berpatutan ataupun harga Rahmah selain sempena meraikan ulang tahun ke-30 Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK).

"Biasanya harga untuk tiket konsert orkestra ini paling murah pun sekitar RM180, tapi kita mahu memberi pendedahan kepada semua golongan masyarakat," katanya pada 20 Jun.

Katanya, siri pertama berlangsung pada 8 Julai manakala siri kedua pada 9 Sept, siri ketiga (21 Okt) dan siri keempat (18 Nov) bermula pada 8.30 malam di Panggung Sari, Istana Budaya.

100 penerbit sertai pesta buku

SHAH ALAM - Seramai 100 pempamer dijangka menyertai Pesta Buku Kanak-kanak Selangor anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) pada 27 hingga 31 Julai.

Ketua Bahagian Korporatnya Zafrullah Aris berkata mereka terdiri daripada penerbit dan penulis buku genre kanak-kanak yang menghasilkan karya untuk peringkat umur bawah 18 tahun.

"Kebanyakan mereka aktif dalam festival buku seperti Pesta Buku Antarabangsa Selangor (SIBF) dan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.

"Dari situ kita melihat keperluan mengajurkan pesta ini. Dalam masa sama, kita dapati ramai pengunjung di festival buku merupakan golongan kanak-kanak," katanya pada 21 Jun.



JUARA...
Aksi regu lelaki negara Man Wei Chong-Tee Kai Wun (kanan) ketika menewaskan pasangan tuan rumah Lu Ching Yao-Yang Po Han dalam perlawanan akhir Terbuka Taiwan di Arena Tian-Mu pada 25 Jun.
Foto Facebook Persatuan Badminton Malaysia

► BERITA MUKA 21

Tokoh ulama Pattani kupas Ihya Ulumuddin

Festival Turath diteruskan Julai

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

SHAH ALAM - Penganjuran Festival Turath Islami Selangor yang sebelum ini menggamit ribuan peserta tempatan dan negara jiran pada Mei diteruskan pada awal Julai.

Tokoh ulama dari Pattani Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni ditampilkan sekali lagi dalam Majlis Talaqqi Kitab Turath Islami di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Sebelum ini menyampaikan talaqqi kitab Ihya Ulumuddin pada 1 Mei, beliau

meneruskan pengajian itu dalam sesi kuliah duha dan maghrib pada 3 Julai diikuti kuliah duha pada 4 dan 5 Julai.

Pengajian kitab Mawaqif al-Marjan pula disampaikan ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah Pattani itu dalam sesi kuliah duha pada 7 Julai.

Kuliah duha bermula jam 8.45 pagi hingga 11.30 pagi manakala kuliah maghrib antara jam 7.45 petang hingga 11 malam.

Baba Ismail menghuraikan kitab karangan Hujjatul Islam Imam al-Ghazali dalam majlis prapelancongan festival sama di kediaman rasmi Dato' Menteri

Besar pada 1 Mei.

Sebelum ini, majlis julung kali yang turut dihadiri bekas Mufti Besar Mesir Profesor Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab berlangsung selama seminggu mulai 20 Mei.

Festival tersebut bersempena perterjemahan 10 jilid Ihya Ulumuddin kepada bahasa Melayu mulai awal tahun ini yang digerakkan Kerajaan Negeri melalui Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE).


Ia bertujuan menyemarak lagi minat umat Islam terhadap pemikiran al-Ghazali, ilmuan Islam pelbagai bidang yang berpengaruh ke serata dunia.

pancawarna

Duit poket jemaah haji

Lebih RM13 juta dibelanjakan untuk bantu 26,000 orang

9



Jais gigih lahir murid cemerlang

Jutaan ringgit disediakan untuk sekolah agama dan Kafa

10



Terjemahan kitab agung al-Ghazali

Kerajaan Negeri giatkan usaha dalam kitab Ihya Ulumuddin

14

